

Jilid IV
Bil. 7



Hari Rabu
17hb Mac, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN PEMANGKU TUAN YANG DI-PERTUA:

Kematian mengejut Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail [Ruangan 941]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 942]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) [Ruangan 1037]

USUL-USUL:

Merakam Perasaan Dukacita di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham
Y.B. Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail dan Ucapan Takziah kepada
Keluarganya [Ruangan 1007]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1981 [Ruangan 1024]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1981 [Ruangan 1024]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1981 [Ruangan 1024]

Akta Acara Kewangan, 1957—

Kumpulanwang Amanah Kontraktor-kontraktor [Ruangan 1034]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981 [Ruangan 1042]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1982 [Ruangan 1042]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Pemangku Tuan Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah)

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K., (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang)
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- Yang Berhormat DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu)
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).

- Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Pemangku Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN PEMANGKU
TUAN YANG DI-PERTUA**Kematian Mengejut Y. B. Tan Sri Syed
Nasir bin Ismail**

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita ketahui kita baru sahaja kehilangan seorang pemimpin yang dikasihi dengan kematian mengejut Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada petang semalam, hari Selasa, 16hb Mac, 1982. Jenazah Allahyarham itu selamat dikebumikan petang ini di perkarangan Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Usul takziah akan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini selepas soal jawab.

Bagi memperingati Allahyarham yang kita kasihi itu dan mengenangkan jasa-jasa beliau khususnya kepada Dewan ini, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua yang hadir dalam Dewan ini untuk berdiri bertafakkur bersama saya selama satu minit, dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diminta menghadaiahkan Fatihah seberapa yang ikhlas.

(Majlis bertafakkur selama satu minit dan yang beragama Islam menghadaiahkan Fatihah)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak ada, maka soalan ini akan dijawab selepas semua soalan sudah dijawab.

PETRONAS—PERKHIDMATAN
INTERNATIONAL MARITIME BUREAU

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri memberi sebab-sebab mengapa PETRONAS mengupah perkhidmatan "International Maritime Bureau" yang berpusat di London, syarat-syarat pengupahan tersebut, kos perkhidmatan yang diberi oleh IMB itu dengan menamakan pegawai-pegawai IMB yang telah datang ke Malaysia atas assignment-assignment spesifik PETRONAS, tauliah atau "credentials" IMB itu seperti latarbelakang dan pengalamannya tarikh ia ditubuhkan dan lain-lain dan nyatakan hasil perkhidmatan yang diberi oleh IMB.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kebiasaan bagi PETRONAS apabila perlu mengambil berkhidmat pakar-pakar dan perunding-perunding dalam bidang tertentu untuk membantunya dalam kerja-kerja khusus dengan memberi nasihat/latihan dan bimbingan kepada kakitangan PETRONAS dalam perkara-perkara operasi termasuk pengawasan kontraktor-kontraktornya dan untuk menjalankan tugas-tugas khas.

International Maritime Bureau (IMB) telah diambil berkhidmat oleh PETRONAS selama 5 bulan setengah dari 14hb September, 1981 hingga 28hb Februari, 1982 untuk membantu kakitangan PETRONAS memeriksa dan menentukan kecekapan operasi, kemudahan-kemudahan pengeluarannya dan juga sistem yang digunakan.

Perjanjian PETRONAS dengan IMB memerlukan sekurang-kurangnya empat pegawai IMB yang berpengalaman semasa jangka masa kontrak. IMB mengenakan bayaran 40,200 pound sterling sebulan bagi perkhidmatannya. IMB telah ditubuhkan pada bulan Januari, 1981 oleh International Chamber of Commerce bersama dengan lain-lain pertubuhan antarabangsa untuk tujuan mencegah dan mengawal perbuatan-perbuatan penipuan dan yang dicurigai dalam perdagangan laut.

Satu daripada tugas utama IMB ialah untuk membantu PETRONAS dalam mengawasi pembersihan dan pemeriksaan "Esso Malaysia", kapal yang digunakan untuk menyimpan minyak mentah di luar Pantai Terengganu. Selain dari IMB, Llyod's Register of Shipping juga telah diambil berkhidmat untuk membantu PETRONAS dalam pemeriksaan itu. Kapal "Esso Malaysia" telah digunakan selama lebih dari 3 tahun dan masanya telah tiba untuk PETRONAS mengadakan pemeriksaan untuk menentukan keadaan keseluruhan kapal itu. Pemeriksaan itu menunjukkan kerja keluli kapal itu berada dalam keadaan yang sungguh baik dan

konfigurasi saluran paip dan injap-injap di kapal itu adalah dalam keadaan yang baik dan sempurna.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa IMB ditubuhkan pada bulan Januari, 1981. Adakah pihak Kerajaan tahu sebenarnya siapa yang di belakang penubuhan IMB selain daripada dikatakan bahawa ia ditubuhkan oleh International Chamber of Commerce, tetapi di belakang International Chamber of Commerce itu siapa sebenarnya yang bertanggungjawab untuk menubuhkan IMB itu, adakah benar bahawa syarikat-syarikat minyak antarabangsa sebenarnya adalah antara mereka yang mengilhamkan penubuhan IMB dan Syarikat-syarikat minyak antaranya ialah Exxon?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi IMB ditubuh oleh International Chamber of Commerce dan kalau kita memandang kepada ahli-ahli lembaganya, IMB Board, kebanyakan ahli itu terdiri daripada jaguh-jaguh dalam bidang banking dan insurans seperti Chairman Sir John Cagney, prominent figure in international trade dan banking: member ada satu dari United States jadi President, International Special Risks Division, International Insurance Company; ada satu dari India; satu dari Greece; satu Secretary-General, United Nations Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation. Jadi nampaknya tidak ada syarikat Petroleum atau carigali di belakang pertubuhan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tentulah Yang Berhormat tahu bahawa Exxon sebuah multi-national Corporation ada pengaruh yang lebih daripada negara-negara termasuk negara semacam Malaysia dan tentulah jaguh-jaguh baikpun di bidang banking atau di apa-apa bidang tidak bererti bahawa tidak sebenarnya tidak dipengaruhi oleh Exxon atau melalui apa-apa perhubungan. Soalan saya ialah apakah tindakan telah diambil oleh PETRONAS dan pihak Kerajaan untuk menentukan sebenarnya latar-belakang IMB sebelum mengubah IMB untuk membuat siasatan di mana ada melibatkan satu syarikat minyak antarabangsa.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini barangkali anggapan Ahli Yang Berhormat, tetapi sepanjang pengetahuan saya PETRONAS mesti buat kajian sebelum melantik satu badan seperti IMB yang dipengaruhi oleh satu syarikat seperti Esso.

TELAGA MINYAK DIMILIKI OLEH PETRONAS

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah telaga minyak yang sedang diusahakan di perairan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan berapa buah telagakah yang di bawah kelolaan Petronas.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semua 382 telaga minyak di 16 lapangan minyak yang mengeluarkan minyak Malaysia adalah dimiliki oleh PETRONAS.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah pengurusan dan perjalanan PETRONAS itu dapat mencapai cita-cita dan matlamat sebagaimana yang telah tercatat dalam undang-undang yang mengandungi tujuan badan itu sebagaimana asal ditubuhkan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ada telaga dan lapangan minyak ini dijalankan di bawah Production Sharing Agreement, yang mana sebahagian besar daripada minyak yang dipengaruhi dimiliki oleh PETRONAS dan saya rasa ini ialah berikut dengan cita-cita yang kita ada PETRONAS.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepentingan bahan-bahan minyak di dunia ini, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kerajaan kita akan mengawal pengeluaran bahan minyak itu. Jika ya, apakah tindakan telah diambil?

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal.

LEBUHRAYA SIMANGGANG

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar keadaan jalan di Negeri Sarawak terutama lebuhraya dari Simanggang yang melalui bandar-bandar besar seperti Betong, Saratok, Sarikei dan Sibu. Dan jika benar, apakah langkah yang akan diambil bagi memulakan penerapan lebuhraya tersebut di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai keadaan jalan tersebut. Sebenarnya jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk di dalam projek memperbaiki dan menurap jalan daripada Kuching ke Sibu. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak \$6 juta telah pun diperuntukkan bagi projek tersebut dan Kerajaan sedang menimbang untuk menambah peruntukan dalam tempoh rancangan ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, soalan ke-5.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini akan dibawa selepas semua soalan dijawab.

SUBSIDI KEPADA PETANI

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian nyatakan adakah beliau sedar bahawa subsidi yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada pihak petani tidak dapat dinikmati oleh petani sepenuhnya kerana melalui orang-orang tengah. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan supaya pihak petani mendapat faedah dengan sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak tepat. Semua subsidi-subsidi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian adalah disalurkan oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan terus kepada petani-petani

sama ada melalui Pertubuhan-pertubuhan Peladang, Persatuan-persatuan Nelayan atau petani-petani secara individu. Ini bererti penglibatan orang-orang tengah adalah tidak timbul.

DUTA-DUTA BESAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7. Tuan Haji Ibrahim bin Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa ramaikah duta-duta kita yang dihantar ke luar negeri berdasarkan komposisi kaum dan adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan mereka untuk memperkenalkan negara kita ke negara-negara yang mereka ditugaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamad Yassin): Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Duta-duta Besar Malaysia untuk ditauliah berkhidmat di luar negeri bukanlah berdasarkan kepada komponen kaum atau berasaskan kepada komposisi keturunan. Kerajaan melantik mereka berasas kepada kebolehan dan kemampuan mereka menjaga dan mempertingkatkan segala urusan yang berteraskan dengan kehendak-kehendak kepentingan negara. Namun demikian untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bilangan Duta-duta kita ialah seramai 34 orang iaitu seramai 27 orang Melayu, 3 Cina, 3 India dan seorang lain-lain. Setakat ini Kerajaan amat berpuas hati dengan khidmat dan tugas yang dijalankan oleh Duta-duta Besar dan Diplomat-diplomat kita di luar negeri.

PUSAT KESIHATAN DI MANTIN

8. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan bila pusat kesihatan poliklinik di Mantin yang mana pembinaannya bermula pada tahun 1975, akan dirasmikan, oleh sebab bangunan-bangunan itu telah siap dibina, tetapi kemudahan-kemudahan dan alat-alat lain masih belum nampak dipasang setakat ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan) Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pusat kesihatan baru di Mantin telah

memulakan perkhidmatannya pada 1-2-1982. Pusat Kesihatan ini telah dilengkapi dengan segala alat-alatan yang diperlukan untuk menjalankan perkhidmatan. Kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam pusat ini meliputi perkhidmatan pesakit luar, kesihatan ibu dan kanak-kanak dan pergigian.

ORDINAN PEKERJAAN 1955— PELUASAN KE SABAH DAN SARAWAK

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Ordinan Pekerjaan 1955 akan diperluaskan ke Sabah dalam bulan Jun tahun ini atau adakah Kerajaan bertujuan hendak mengasingkan setengah-setengah syarat Ordinan itu untuk menafikan pekerja-pekerja faedah-faedah yang sepenuhnya di bawah Ordinan itu berikutan dengan bantahan dari majikan-majikan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dirancangan, Kementerian saya adalah bercadang untuk memperluaskan Ordinan Pekerjaan 1955 ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak mulai dari 1-7-1982 ini dengan tujuan meseragamkan Undang-undang Buruh di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peluasan ini sedang dikaji dan dirundingkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan oleh itu Kementerian saya belum lagi dapat menyatakan dengan tepatnya ubahsuaian yang akan dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Ordinan Pekerjaan 1955 sebelum ianya diperluaskan kepada negeri-negeri itu.

Tuan Fung Ket Wing (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, since the Deputy Minister of Labour has said that the Employment Ordinance would be extended to Sabah in July this year, I would like to know from the Deputy Minister if he can inform the House here whether once this Employment Ordinance is implemented in Sabah the foreign workers such as the refugees and the illegal immigrant workers would be covered by this Ordinance or not.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ordinance Pekerjaan ini orang-orang asing walaupun bukan warganegara kita mestilah mengikut juga undang-undang kita sekarang ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.

(Soalan No. 10 Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais tidak hadir)

LEBUHRAYA DUA LORONG SELATAN-UTARA

11. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan kenderaan-kenderaan yang kian bertambah berlipat ganda banyaknya di Negara kita dan kemalangan sering berlaku yang kadangkala melibatkan tergendalnya lalulintas 2-3 jam lamanya, adakah Kerajaan bercadang untuk membina lebuh raya yang luas dan dua lorong ke selatan dan satu lagi untuk ke utara sahaja. Jika tidak, mengapa.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Lebuh raya Malaysia yang bertanggungjawab bagi merancang, membina serta membuat kerja-kerja pengurusan Lebuh raya di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan Lebuh raya Utara-Selatan sedang dilaksanakan. Lebuh raya ini adalah lebuh raya berkembar yang mempunyai sekurang-kurangnya dua lorong sehala yang mengarah ke utara dan dua lorong sehala mengarah ke selatan. Jejambat dan 'interchange' akan juga dibina untuk membolehkan lebuh raya ini dapat disambung dengan jalan-jalan yang sedia ada. Lebuh raya ini mempunyai access yang terhad dan pengguna lebuh raya ini akan dikenakan tol. Adalah diharapkan dengan siapnya pembinaan lebuh raya ini akan dapat mengurangkan kemalangan dan kesesakan. Walau bagaimanapun, pemandu-pemandu sendiri adalah memainkan peranan yang penting bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan yang sering berlaku.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan tentang kurang kemalangan bila jalan dua-hala Lebuh raya dibuat. Saya ingin bertanya kepada beliau betulkah dengan adanya lebuh raya dua-hala tetapi pemandu-pemandu akan menggunakan kenderaan dengan begitu laju boleh mengurangkan kemalangan?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi saya telah jawab apakah rancangan untuk menggunakan jalan Lebuh raya ini dan dalam jawapan itu saya telah beritahu apakah urusan-urusan Kerajaan tetapi untuk menggunakan Lebuh raya itu bukanlah di dalam kuasa Kementerian saya, tetapi itu adalah di dalam kuasa Kementerian Pengangkutan.

PERUSAHAAN KECIL DI LUAR BANDAR—PENUBUHAN

12. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah kesan dan pencapaian yang telah didapati dalam usaha-usaha bagi penggalakan penubuhan Perusahaan Kecil di luar bandar khususnya kepada kalangan Bumiputra luar bandar, serta apakah tindakan selanjutnya akan dilaksanakan oleh Kementerian ini ke arah pencapaian yang lebih bermakna.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, agak terlalu awal bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menghuraikan pencapaian yang telah didapati dalam usaha Kementerian untuk menggalakkan penubuhan perusahaan kecil di luar bandar sejak Kementerian diadakan semula. Setakat ini tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menjayakan perusahaan-perusahaan kecil ialah menghubungi dan melayan hubungan pihak-pihak yang berminat dari dalam dan luar negeri untuk mewujudkan perusahaan kecil di luar bandar. Lebih kurang 200 hubungan telah dibuat. Bekerjasama dengan konsultan-konsultan yang sedang berusaha untuk mengesan dan melibatkan usahawan-usahawan dalam bidang perusahaan kecil di luar bandar. Lebih kurang 300 projek telah

dikesan. Bekerjasama dengan KEDA dalam usaha menjayakan perusahaan kecil yang sudah ada dan mewujudkan unit-unit perusahaan baru. Memberi latihan kepada belia dan beliawanis dalam bidang perusahaan kraftangan. Menjayakan pemasaran hasil kraftangan di dalam dan di luar negeri.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah jenis-jenis latihan yang telah diberi kepada penduduk-penduduk luar bandar berkenaan dengan industri kecil ini dan sama ada pihak Kementerian ini juga ada memberikan satu kursus untuk mengubah pemikiran dan juga semangat penduduk-penduduk luar bandar berkenaan dengan perindustrian.

Datuk Sanusi bin Junid: Kursus menaikkan semangat memang selalu diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar khususnya melalui KEMAS dan Jabatan Pembangunan Koperasi. Dalam bidang latihan sebahagian besar daripada perhatian ditumpukan dalam bidang kraftangan dan banyak belia dan beliawanis yang telah dibawa ke pusat-pusat latihan untuk tujuan melayakkan diri sehingga dapat mengeluarkan hasil kraftangan yang dapat dipasarkan sehingga ke pasaran antarabangsa.

BANJIR KILAT DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

13. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah banjir kilat di bandaraya semakin buruk; jika sedar, sama ada terdapat apa-apa rancangan komprehensif untuk mengatasi banjir kilat dalam bandaraya itu.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu saya sedar tentang masalah banjir kilat yang selalu melanda bandaraya Kuala Lumpur ini. Walau bagaimanapun, banjir kilat ini melanda beberapa kawasan tertentu sahaja dan bukanlah di seluruh kawasan bandaraya. Oleh hal yang demikian beberapa projek

menyeluruh sedang dan akan terus dijalankan di kawasan-kawasan yang terlibat itu seperti di Batu 5, Cheras; Kampung Petaling, Kampung Pasir, Sungai Besi dan lain-lain tempat lagi. Kerajaan akan membelanjakan \$30 juta untuk rancangan ini.

Di antara sebab-sebab berlakunya banjir kilat ini adalah kerana longkang-longkang tersumbat oleh sampah-sarap yang dibuang oleh orang ramai dan lumpur-lumpur akibat dari pembinaan rumah oleh pemaju-pemaju serta sungai-sungai yang menjadi cetek. Apabila hujan lebat berlaku buat beberapa ketika yang mana akan menghasilkan jumlah air yang banyak, maka air ini akan melemah dan menyebabkan banjir kilat berlaku. Oleh itu di antara projek-projek yang akan dijalankan adalah membesar dan mendalamkan sungai-sungai, membina longkang-longkang baru, kerja-kerja membesih longkang-longkang yang sedia ada adalah sentiasa dijalankan bagi membolehkan air mengalir untuk mengatasi masalah tersebut.

Selain daripada itu sungai-sungai yang tidak diselenggarakan dengan memuaskan juga menjadi salah satu punca banjir kilat ini. Oleh itu beberapa projek ke atas sungai-sungai yang terdapat di Kuala Lumpur ini akan dijalankan seperti kerja-kerja desilting dengan pembinaan silt traps serta water retention ponds. Syarikat-syarikat perlombongan juga akan diminta menyediakan spare ponds untuk tujuan menahan dan menyimpan lumpur kerana kawasan-kawasan lombong juga mengeluarkan air yang banyak semasa hujan berlaku. Projek-projek penyelenggaraan sungai yang berterusan juga akan dijalankan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan beberapa langkah jangka panjang atau projek-projek yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kilat. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pasukan mencegah banjir kilat yang telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya tidak ada kakitangan yang cukup untuk mengambil langkah segera apabila berlaku banjir kilat dan jika Yang Berhormat Menteri sedar sama ada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk

menentukan ataupun mengarahkan supaya Pasukan Mencegah Banjir Kilat oleh Dewan Bandaraya akan ditambah dengan kakitangan yang cukup untuk menjalankan tugasnya?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, arahan-arahan telah pun diberi kepada Dewan Bandaraya dan pada masa ini pegawai-pegawai sedang pun berjalan atau memeriksa tempat-tempat banjir itu dan usaha-usaha telah pun dijalankan, tetapi al-maklum sahaja banjir ini datang secara kilat—sekejap sahaja, jadi kadang-kadang tentulah apabila pegawai kita menjalankan tugas, dia pun sudah hilang.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, banjir datang daripada Tuhan yang kita tidak boleh buat apa-apa, tetapi pegawai-pegawai Bandaraya, Bahagian Pantai Dalam tidak membersihkan parit-parit yang penuh air dan tidak boleh mengalirkan air. Bila diberi tahu Bandaraya dia mengarahkan bahagian-bahagian yang lain lebih kurang 20 bahagian. Saya minta bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat mana parit-parit tertutup dalam Bandaraya Kuala Lumpur macam mana pegawai-pegawai ini menjalankan kerja. Semua pegawai-pegawai dalam Bandaraya bermesyuarat pagi sampai petang. Bolehkah siasat apa fasal banjir? Soal ini kita hendakkan satu jawapan iaitu dalam Kuala Lumpur apa fasal selalu banjir.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya kira bukan Kuala Lumpur sahaja yang banjir. Kita terbaca di mana-manapun berlaku banjir. Mengenai dengan sebab-sebabnya saya rasa saya sudah terangkan tadi. Mengenai usaha seperti saya terangkan tadi pegawai-pegawai kita bekerja siang dan malam telah diarahkan menyiasat di mana banjir itu berlaku dan mengambil tindakan untuk mengurangkan masalah banjir itu dengan serta-merta.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut tentang sampah-sarap dan lumpur yang dibuat akibat kerja-kerja pembinaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Menteri sama ada Kementerian beliau boleh bertindak terhadap orang-orang ini kerana mereka telah mencari untung dan menjadikan orang ramai sebagai mangsa.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya terangkan tadi Kementerian mengawasi perkara ini dan mana-mana pemaju yang tidak mengikut peraturan atau menyebabkan masalah banjir dengan tidak menyediakan besin (ponds) bagi menyekat lumpur masuk ke longkang-longkang maka Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan untuk menghentikan kerja-kerja yang dijalankan oleh pemaju-pemaju berkenaan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini akan dijawab selepas semua soalan lain telah dijawab.

Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga akan dijawab selepas semua soalan telah dijawab.

MUKA KUALA SUNGAI KELANTAN TERTUTUP

16. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebahagian besar kaum nelayan Pantai Timur, terutama Kelantan telah mengalami kegelisahan disebabkan oleh tertutup muka-muka kuala sungai oleh timbunan pasir. Jika sedar, apakah tindakan sewajarnya diambil oleh pihak Kerajaan; yang melibatkan beberapa jabatan; yang tidak dapat diselesaikan hingga beberapa tahun lamanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang sedar tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan akibat muka-muka kuala sungai yang tertutup oleh timbunan pasir. Untuk makluman, Yang Berhormat pihak Kementerian melalui Jabatan Parit dan Taliair telah diberikan peruntukan sejumlah \$10 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) untuk membeli kapal-kapal korek bagi mengatasi masalah kuala-kuala sungai tersebut. Buat sementara waktu, pihak Kementerian melalui Jabatan Parit dan Taliair akan mula menjalankan kerja-kerja penggorekan (peruntukan sejumlah \$4 juta bagi RME) pada tahun ini secara kontrek di beberapa tempat tertentu sahaja mengikut 'priority' kerana keupayaan yang terhad.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan yang berlaku di muka kuala ini adalah perkara yang berlaku 10 tahun dahulu dan hingga sekarang keadaannya masih sama. Jadi dalam peruntukan \$10 juta yang diberi ini bilakah agaknya kapal korek itu akan mengorek yang tertimbus itu supaya janganlah \$10 juta dan \$4 juta yang diperuntukkan ini akan dibelanjakan di akhir Rancangan Malaysia Keempat dan kapal korek itu akan lahir dalam Rancangan Malaysia Kelima misalnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita bercadang untuk membeli dua buah kapal korek dan tendernya telah pun dikeluarkan dan kita berharap kapal korek ini akan tiba pada tahun 1983.

HARGA TAMBANG KAPALTERBANG MALAYSIA DAN SINGAPURA

17. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenaikan tambang tiket penerbangan di antara Malaysia dan Singapura mulai 1 Mac, 1982, amaun kenaikan dan berpandu kepada kenaikan, sama ada Sistem Penerbangan Malaysia akan memperuntukkan perkhidmatan yang lebih baik. Nyatakan juga langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan penerbangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb Mac, 1982, harga tambang kapalterbang di antara Malaysia dan Singapura telah dinaikkan di antara 11% hingga 13%. Tambang biasa ekonomi dinaikkan dari \$88 ke \$98 dan tambang kelas pertama dari \$123 ke \$140. Untuk penerbangan murah, tambang ekonomi dinaikkan dari \$55 ke \$65 dan kelas pertama dari \$70 ke \$88.

MAS sentiasa memberi perhatian berat terhadap mutu perkhidmatannya, baik dari segi perkhidmatan di bawah (ground services) dan di dalam penerbangan. Kakitangan-kakitangan yang terlibat secara langsung dengan orang awam adalah dilatih dengan secukupnya untuk memberi layanan yang baik.

Segala usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan di lapangan-lapangan terbang. Untuk tujuan ini beberapa buah lapanganterbang baru sedang dirangka dan beberapa buah lapanganterbang yang sedia ada akan juga diperbesarkan.

Di samping ini lapanganterbang tersebut akan dilengkapi dengan alat-alat baru yang moden seperti alat-alat pemeriksaan keselamatan dan alat-alat pengumuman penerbangan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi apa kriteria untuk menaikkan harga tiket-tiket ke Singapura dan Kuala Lumpur? Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar pendapatan dari MAS ini 40% dari flight dalam Malaysia dan 60% dari international flight. Apakah kriterianya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tambang dalam negeri MAS telah lama tidak dinaikkan dan oleh kerana kos-kos operasi telah meningkat dari satu masa ke satu masa dan juga disebabkan perkembangan yang berlaku di dalam MAS pada masa ini, terpaksa syarikat yang berkenaan membuat cadangan untuk menaikkan tambangnya. Kriteria utama mengenai perkara ini ialah kenaikan kos operasi seperti juga yang berlaku terhadap

harga barang-barang dan sebagainya yang kian meningkat pada masa ini. Ini adalah satu perkara biasa yang mana saya fikir Yang Berhormat sendiri sedia maklum.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tidak boleh menjalankan operasi MAS untuk memberi tambang kurang kepada rakyat, bolehkah Kerajaan memikirkan memberi kepada satu syarikat lain atau swasta yang boleh memberi harga yang kurang daripada MAS.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak berkait dengan soalan asal.

Tuan Lim Cho Hock: Bolehkah Kementerian yang berkenaan menimbangkan untuk kesenangan penumpang-penumpang menghapuskan 'passenger service tax' sebanyak \$4 atau tambah service tax kepada harga tiket.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat 'passenger service tax'.

Tuan Lim Cho Hock: Passenger service tax ialah yang dikatakan airport tax \$4.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak faham bahawa 'airport service tax' itu adalah dikenakan oleh Jabatan Penerbangan Awam untuk kegunaan lapanganterbang, dan tidak kena-mengena dengan MAS.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi kriteria ini adalah kos operasi. Saya ingin mendapat tahu di mana saya katakan tadi 40% pendapatan ini adalah flight dalam Malaysia dan 60% dalam international flight. Dan juga menurut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi kriteria ini 11% atau 13% kenapa international flight ticket tidak naik hanya in-flight dalam Malaysia sahaja naik, saya mahu tahu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tambang bagi penerbangan antarabangsa adalah tertakluk kepada perundingan yang dibuat oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang

mana kita adalah tertakluk kepada keputusan yang dibuat hasil daripada rundingan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya kapalterbang ini adalah pengangkutan yang digunakan oleh orang-orang kaya. Jadi, dengan kenaikan tambang kapalterbang sekarang ini adakah kekosongan atau tidak lakunya penerbangan kapalterbang ini dalam hubungan di antara satu tempat dengan satu tempat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada apa-apa perubahan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan menyedari bahawa perkhidmatan kapalterbang ini bukan sahaja untuk orang kaya khususnya di Sabah dan Sarawak di mana tidak ada jalan-jalan, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan timbang turunkan harga tiket kapalterbang di Sabah dan Sarawak oleh kerana tidak ada jalan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi penerbangan di Sabah dan Sarawak pihak Kerajaan tidakpun membuat apa-apa kenaikan tambang; buat sementara waktu MAS masih menggunakan harga yang lama.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata fasal perkhidmatan operasi yang MAS ada rugi ataupun tidak boleh tahan dia punya perbelanjaan. Saya nampak, jadi saya beri penerangan dulu. . . .

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah, Yang Berhormat terus soal.

Tuan V. David: Baik, terima kasih. Kalau macam itu saya selalu nampak Setiausaha-setiausaha Kementerian, keluarga Menteri-menteri yang naik kapalterbang 1st class tetapi berapa juta ringgit satu bulan kita rugi. Jadi adakah Kerajaan siasat untuk kontrol atau restrict janganlah beri lebih-lebih selalu jalan sana jalan sini atas nama Kerajaan yang pakai public fund. (*Ketawa*)

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan V. David: Soal ini saya mahu tanya bolehkah disiasat, itu satu fasal.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan V. David: Tuan Speaker, tadi hendak kata jawapan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa soalan hendak tanya?

Tuan V. David: Soalannya ini yang kita rugi fasal Kerajaan ada beri tiket-tiket free kepada keluarga-keluarga Menteri dan Setiausaha-setiausaha Kementerian.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak kena mengena dengan soalan asal, duduk!

Tuan V. David: Macam mana boleh rugi?

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 18.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini akan dijawab selepas semua soalan telahpun dijawab di dalam Dewan ini.

HOSPITAL DAERAH DI DAERAH BINATANG—PEMBINAAN

19. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Daerah Binatang hanya ada sebuah dispensari, jika ya, sama ada Kerajaan akan membina hospital Daerah yang lengkap di kawasan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dalam daerah Binatang terdapat sebuah pusat kesihatan yang telah diubahsuaikan di pekan Binatang. Pusat

Kesihatan ini mempunyai kemudahan-kemudahan pesakit luar dan pesakit wad, makmal, unit X-Ray serta perkhidmatan pergigian. Selain daripada itu terdapat juga sebuah klinik Kesihatan Ibu dan kanak-kanak di pekan tersebut serta sebuah lagi klinik di Meradong iaitu tujuh batu dari pekan Binatang, sebuah klinik desa di Nangga Samah.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebuah klinik desa yang baru telah diluluskan untuk dibina di Meradong. Kementerian tidak ada cadangan untuk membina Hospital Daerah di daerah Binatang buat masa ini memandangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada sekarang.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan ini semakin hari semakin bertambah tetapi dispensari itu sampai hari ini baru mempunyai 4 katil. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan membesarkan dispensari itu untuk keperluan sementara.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa di dalam daerah Binatang terdapat lebihkurang 27,000 orang penduduk. Dan oleh kerana ada beberapa buah pusat kesihatan di dalam daerah itu Kementerian memikirkan bahawa sekarang ini perkhidmatan itu memadai. Tetapi seperti saya terangkan sebentar tadi Kementerian Kesihatan akan mengubahsuaikan pusat kesihatan di Binatang dan akan memberi kemudahan yang lebih baik dari segi klinik, X-Ray dan sebagainya.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya. Tidak ada.

(Soalan No. 20 Y. B. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya tidak hadir)

RUSIA/VIETNAM AKTIVITI DI RANTAU ASEAN

21. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau

sedar aktiviti Russia dan bonekanya, Vietnam, dalam rantau ASEAN merupakan satu ancaman serius terhadap negara-negara ASEAN dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dan rakan-rakan sekutunya dalam ASEAN untuk menghadapi ancaman ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, suatu aspek penting dasar luar Malaysia ialah kepercayaan kepada prinsip yang termaktub di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan menghormati undang-undang antarabangsa. Di antaranya ialah menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah, tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negara, tidak menggunakan kekerasan atau mengancam untuk menggunakan kekerasan dan kerjasama yang saling menguntungkan.

Justru kerana ini Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain tidak akan bertolak ansur jauh sekali menerima sebarang bentuk campurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri kita ataupun pelanggaran prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi.

Vietnam sebagaimana juga negara-negara lain adalah bebas untuk memilih kawan-kawannya. Kita juga masih mengekalkan perhubungan dengan Vietnam tanpa apa-apa maksud untuk menentang dan bermusuhan dengannya. Namun begitu kita tidak dapat menerima pencerobohan tentera asing di Kampuchea dan penduduk mereka yang berterusan di sana kerana ia adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip itu. Kita juga tidak dapat menerima sebarang tindakan yang boleh membawa kepada persaingan kuasa-kuasa besar di rantau ini yang akan mengancam keamanan dan kestabilan kita juga.

Malaysia dan ASEAN telah berusaha bersungguh-sungguh supaya Asia Tenggara menjadi satu zon yang aman, bebas dan berkecuali, bebas dari campurtangan asing dan kegiatan subversif mereka. Untuk maksud inilah kita dengan serius dan bersungguh-sungguh berusaha supaya satu penyelesaian politik yang menyuluruh pada

masalah Kampuchea dapat dicapai yang mana saya pasti ia juga akan membuka jalan ke arah tercapainya cita-cita bagi mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali itu.

Pada masa yang sama kita juga bersiap sedia untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman kepada keselamatan kita dengan memperkukuhkan ketahanan nasional kita dan juga ketahanan serantau.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri dengan dasar dan fahaman negara kita dan juga negara ASEAN yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, adakah perkara ini benar-benar difahami oleh negara Russia dan Vietnam sendiri. Jika benar-benar negara tersebut faham, apakah buktinya setakat ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita yang kita amalkan setakat ini dan khususnya dasar yang diamalkan oleh ASEAN di bawah konsep zon aman, bebas dan berkecuali telahpun kita jelaskan semenjak ASEAN ditubuhkan dan ini telahpun diiktiraf oleh sebahagian besar oleh kuasa-kuasa dunia. Tetapi tindak-tanduk dan langkah yang diambil oleh sebahagian daripada kuasa-kuasa besar untuk cuba menjalankan kegiatan-kegiatan subversif di kawasan rantau ini adalah suatu hakikat yang tidak dapat kita elakkan dan oleh sebab itulah kita sentiasa cuba melalui perundingan dan juga di dalam forum-foram antarabangsa menegaskan sekali supaya kawasan rantau Tenggara Asia khususnya ASEAN ini tidak digunakan sebagai kancha untuk pertandingan kuasa-kuasa besar khususnya Russia, Amerika Syarikat ataupun China.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat beliau ada mengatakan bahawa Vietnam boleh pilih siapa yang boleh menjadi kawan dengannya. Saya ingin mendapat tahu sama ada Malaysia dan negara-negara ASEAN telahpun memilih Vietnam sebagai kawan. Sekiranya telah memilih, apakah sebab-sebab ianya dipilih sebagai kawan Malaysia dan negara-negara

ASEAN, khususnya Malaysia memandangkan kegiatan-kegiatan Vietnam di masa lampau dan juga sama ada Malaysia telah menganggap Vietnam sebagai bukan kawan, kalau bukan kawan adakah ia menjadi musuh?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu agak berpusing-pusing, tetapi walaupun begitu, sebagaimana pernah saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dasar luar kita ialah untuk berbaik-baik dengan semua negara di dunia ini yang menerima tentang dasar yang telahpun kita amalkan dan kita terangkan setakat ini. Dan sehingga ini Vietnam adalah memang kita anggap sebagai kita tidak bermusuhan dengannya kerana perhubungan dua hala dan perhubungan diplomatik masih lagi berbekalan dengan Vietnam. Cuma yang kita tidak bersetuju ialah langkah-langkah dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh Vietnam terhadap neighbour ataupun jiran bertangganya yang kita anggap amat sekali bertentangan dengan prinsip-prinsip dan piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa dalam membantah sikap permusuhan Russia terhadap ASEAN sekarang ini ataupun terhadap Malaysia sekarang ini, kita haruslah berwaspada supaya jangan ternampak yang kita ini memihak dalam sengketa China dan juga Russia. Dan adakah juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa kedua-dua negara ini iaitu Republik Rakyat China dan juga Soviet Union pada sekarang ini adalah bermusuhan dengan kita.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi daripada tunjang dasar luar negeri kita ialah tidak mahu melibatkan diri kita di dalam pertandingan kuasa-kuasa besar. Dan juga kita telahpun mengamalkan dasar equidistant dari segi perhubungan dengan kuasa-kuasa besar dan kita juga menjadi anggota yang kuat menyokong prinsip non-aligned dan ini telahpun kita terangkan dan jelaskan pada

seluruh dunia dan haruslah diambil perhatian oleh kuasa-kuasa besar. Soal sama ada Russia ataupun China itu bermusuhan dengan kita tidak timbul kerana setakat ini kita masih lagi mengadakan perhubungan dua hala dan perhubungan diplomatik dengan kedua-dua negara tersebut.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

Soalan No. 22 Y. B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir)

LLN—BAYARAN TALIWIRE HITAM

23. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar LLN daerah telah mengenakan bayaran untuk memasang taliwire hitam dari tiangletrik ke rumah atau dari rumah ke rumah sama ada taliwire itu panjang atau pendek bayarannya \$200 padahal menurut satu siaran RTM dan LLN Pusat pemasangan taliwire hitam ke rumah tidak dikenakan bayaran.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar bahawa mulai 1hb Disember, 1980 Lembaga Letrik Negara telah mengenakan bayaran sambungan service sebanyak \$200 kepada semua pengguna rumah kediaman yang mempunyai satu fasa pendawaian. Walau bagaimanapun, mulai dari 1hb Mac, 1982 bayaran seumpama ini tidak lagi dikenakan terhadap pengguna-pengguna rumah kediaman fasa satu.

POLIS—TIDAK MEMBENARKAN BERUCAP

24. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak Polis tidak membenarkan sebarang ucapan diberi oleh para penceramah dalam jamuan Makan Malam yang dianjurkan oleh DAP Cawangan Temoh, Perak pada 5hb Februari, 1982 dan tidakkah ini mencabuli hak asasi manusia untuk berucap dan jika sebarang kesalahan telah dilakukan oleh pihak Polis dalam menafikan hak berucap itu, boleh pihak Kementerian mengambil

tindakan sewajarnya terhadap pegawai-pegawai Polis yang melakukan kesalahan itu.

40. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis melarang Cawangan DAP Temoh, untuk mengadakan Jamuan Makan di padang bandar itu dan mengapa tidak membenarkan pensyarah-pensyarah berucap dalam majlis tersebut.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi soalan yang hampir sama nadanya yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan tidak pernah melarang mana-mana parti politik untuk mengadakan majlis makan malam yang disertai dengan ceramah sekiranya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam hubungan ini tindakan pihak polis melarang sebarang ucapan penceramah-penceramah tertentu dalam majlis makan malam anjuran DAP Cawangan Temoh, Perak pada 5hb Februari, 1982 adalah dibuat kerana majlis tersebut diadakan di kawasan terbuka dan menjadi satu rapat umum yang mana rapat umum adalah diharamkan oleh Kerajaan demi menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan P. Patto: Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa apabila pihak polis meminta supaya tempat di mana cawangan tersebut ingin mengadakan jamuan makan malam itu dipindah ke Dewan Orang Ramai dan selepas pihak cawangan bersetuju, pihak polis mengeluarkan satu permit mengatakan bahawa ucapan-ucapan boleh dibuat tanpa pembesar suara. Sama ada beliau sedar, dan jika sedar, apakah sebab syarat yang sungguh anih sebegitu boleh dikenakan.

Datuk Sanusi bin Junid: Pihak polis mempunyai hak untuk mentafsir yang mana satu rapat umum dan yang mana bukan.

Tuan Lim Cho Hock: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa lebih kurang tiga minggu MCA telah mengadakan satu jamuan makan di Kampung Pejam di sebuah restoran dan restoran itu juga dekat dengan jalanraya. Di majlis makan malam ini pemimpin-pemimpin MCA ada membuat ucapan politik. Kenapa pihak polis tidak haramkan jamuan itu. Adakah polis atau Kerajaan double standard.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu lain daripada soal asal.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa terpulanglah kepada Polis untuk menentukan sama ada satu-satu kumpulan merupakan rapat umum atau tidak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang apa yang beliau maksudkan sebagai kuasa Polis untuk menentukan sama ada satu-satu perjumpaan itu rapat umum atau tidak oleh kerana di Perak pernah diberi permit oleh Polis untuk mengadakan jamuan-jamuan makan malam oleh MCA, Gerakan di tengah padang bolasepak.

Datuk Sanusi bin Junid: Yang saya jelaskan di sini ialah tafsiran atas perjumpaan dan Temah dan saya tidak sedar mengenai perjumpaan lain kerana itu soalan adalah terlalu luas dan saya yakin jika perjumpaan sedemikian ditafsirkan sebagai rapat umum mengikut peraturan pihak polis akan mengikut undang-undang yang sama di dalam tindakan. Tidak ada soal double standard—mungkin yang ada standard DAP double. *(Ketawa)*

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, kalaupun Yang Berhormat itu tidak tahu tentang latarbelakang ceramah-ceramah dan jamuan-jamuan makan malam yang diadakan di negeri Perak, eloklah beliau jangan menjawab soalan ini, itu seelok-eloknya. Tetapi oleh kerana beliau sendiri

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Terus soal. Apa soalnya?

Tuan P. Patto: bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri *(Disampuk)* ingin saya mendapat tahu kalau ada orang mahu tolong tanya, tak payah kacau.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan berucap. Apa soalnya?

Tuan P. Patto: Bolehkah Menteri memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai apakah tempat yang boleh dianggap di mana ceramah boleh diadakan.

Datuk Sanusi bin Junid: Walaupun mungkin saya tidak tahu semua benda yang berlaku di seluruh negara, tetapi pihak polis tahu. Dan Yang Berhormat sendiri pun tahu apa dia rapat umum dan apa dia bukan rapat umum.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang sebenarnya bukan Menteri yang bertanggungjawab dalam portfolio ini, yang menjawab bagi pihak Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan, yang sebenarnya tidak tahu apa yang berlaku, tetapi berlagak tahu. Adakah beliau sedar bahawa satu keadaan di mana pihak Polis atau sesiapa yang bertanggungjawab di sini boleh kata sama ada satu ceramah boleh diizinkan, semuanya tertakluk kepada takrif pihak Polis apabila ada berlaku selalunya di mana pihak parti-parti pemerintah MCA, Gerakan mengadakan jamuan malam di tempat umum

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Soal itu yang termasuk ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Terus.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terus satu soalan yang panjang di mana ada tempat semacam Kampar dan lain-lain di mana jamuan malam di padang dibenarkan tetapi di mana dalam balairaya yang tertutup tidak dibenarkan. Apakah kriteria-kriteria di mana semua orang boleh tahu apa syarat-syarat yang memenuhi satu ceramah indoor atau apa syarat-syarat tidak ditakrif sebagai satu ceramah indoor dan bukan terserah kepada sesiapa yang sewenang-wenangnya, sesuka-suka hatinya dan bukan yang dijawab tadi pun apabila Polis cakap boleh—boleh; tak boleh—tak boleh, itu bukan rule of law dan saya percaya itupun bukan peminan 2M.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat!

Datuk Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, adalah baik bagi Ahli Yang Berhormat menggunakan peristiwa di Temoh pada 5hb Februari, 1982 sebagai kriteria untuk menentukan yang mana satu rapat umum dan yang mana bukan. Pihak Kerajaan mempunyai keyakinan penuh kepada kebolehan pihak Polis untuk mentafsirkan undang-undang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sebenarnya kebenaran ceramah ini selalu diberi oleh pihak Kementerian tetapi mungkin pihak Jabatan Polis tidak membenarkan kerana mungkin ada ucapan yang menghasut. Jadi apakah perjumpaan-perjumpaan yang selalu diadakan oleh Parti Pembangkang ini mereka memberi ucapan yang sebagaimana?

Datuk Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, biasanya mereka mengelirukan pendapat rakyat (*Ketawa*).

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG

25. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar walaupun Rancangan Pemulihan Kampung mendapat sambutan dan kejayaan yang begitu menggalakkan tetapi masalah penduduk yang tidak mempunyai tapak rumah yang tersusun di kawasan luar bandar masih menjadi halangan utama kelicinan pentadbiran kemiskinan dan juga menghalang kepada hasrat Kerajaan hendak membasmikan kemiskinan di luar bandar. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang melaksanakan rancangan kampung tersusun ini dengan lebih hebat dan berkesan lagi di kawasan-kawasan pendalaman.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, semenjak dilaksanakan pada pertengahan tahun 1979 projek-projek Rancangan Pemulihan Kampung (RPK)

memang telah mendapat sambutan dan kejayaan yang begitu menggalakkan. Adalah dianggarkan kira-kira 2,500 buah kampung yang mengandungi kira-kira 2,500 buah rumah telah dilibatkan dan diberi bantuan pemulihan di bawah rancangan ini.

Tujuan untuk mengadakan RPK ini adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada kampung-kampung dalam semua bidang fiscal, ekonomi, kesihatan dan sosial supaya taraf dan kualiti hidup penduduk-penduduknya dipertingkatkan. Masalah penduduk yang tidak mempunyai tapak rumah yang tersusun di kawasan luar bandar tidak menghalang pemberian kemudahan-kemudahan oleh Kerajaan kepada rakyat sama ada di bawah RPK atau lain-lain projek infrastruktur yang mustahak seperti bekalan elektrik dan air. Yang mungkin menjadi masalah akibat tapak rumah yang tidak tersusun ialah untuk mengadakan jalan-jalan yang betul-betul teratur di kampung-kampung. Untuk menyusun semula semua kampung-kampung tradisional yang ada pada masa ini adalah sesuatu yang sukar dilakukan segera, walau bagaimanapun adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya rancangan kampung tersusun diperluaskan ke kampung-kampung yang sesuai. Selain itu Kerajaan juga akan memastikan supaya di masa hadapan kampung-kampung yang baru hendaklah dibina dengan teratur supaya kemudahan-kemudahan dapat diberikan oleh Kerajaan dengan lebih mudah lagi.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj. Tidak hadir.

(Soalan No. 26 Y. B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj tidak hadir)

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais. Tidak hadir.

(Soalan No. 27 Y. B. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais tidak hadir)

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin. Tidak hadir.

(Soalan No. 28 Y. B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN KRIAN/SUNGAI MANIK

29. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa Projek Pembangunan Pertanian Kerian/Sungai Manik telah tidak mencapai kejayaan sebagaimana yang dirancangan, jika benar apakah sebab-sebabnya dan juga apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya jika tidak terangkan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi oleh petani-petani di kawasan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dengan tujuan meningkatkan pengeluaran dan pendapatan kepada lebih kurang 24,469 keluarga tani di kawasan Krian/Sg. Manik melalui:

- (i) Peningkat hasil padi per ekar.
- (ii) Penambahan kekerapan tanaman padi.
- (iii) Penambahan penghasilan ladang.

Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 1979 dan dijangka siap pada tahun 1985 dengan menelan belanja sebanyak \$239 juta.

Pada keseluruhannya kegiatan projek di-bahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

- (i) Kerja pembangunan infrastruktur asas oleh Jabatan Parit dan Taliair.
- (ii) Intensifikasi perkhidmatan sokongan pertanian iaitu penyelidikan, perkembangan pertanian melalui sistem 2L, iaitu lawatan dan latihan pengurusan air, pembekalan input-input pertanian, kredit, kejenteraan ladang, pengangkutan, pemasaran dan lain-lain oleh Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, Bank Pertanian, Jabatan Haiwan, Perikanan dan lain-lain.

Projek ini pada masa sekarang telah berjalan selama 3 tahun. Kerja-kerja

infrastruktur sedang giat dilaksanakan di keseluruhan kawasan projek. Pada masa sekarang hanya lebih kurang 20% daripada infrastruktur ini sudah siap. Kerja-kerja sokongan perkhidmatan pertanian juga sedang giat dilaksanakan oleh berbagai jabatan yang berkenaan.

Pada keseluruhannya kerja-kerja projek ini telah berjalan dengan baiknya. Walau bagaimanapun dalam menjalankan kerja-kerja projek ini telah berlaku sedikit gangguan kepada bekalan air sawah yang akan sentiasa diusahakan untuk mengatasinya. Ini adalah satu kebiasaan apabila satu-satu kawasan itu sedang dibangunkan dan dalam peringkat peralihan.

Pada keseluruhannya hasil padi di kawasan Krian Darat dan kawasan Sungai Manik telah meningkat. Umpamanya di kawasan Sungai Manik hasil telah meningkat daripada 353 gantang kepada 460 gantang seekar. Akan tetapi bagi kawasan Krian terutamanya kawasan Krian Laut beberapa masalah telah dihadapi oleh petani-petani terutamanya masalah air dalam (disebabkan hujan lebat semasa menuai), serangan penyakit merah (virus) dan kutu beruang. Pada tahun 1981 adalah dianggarkan lebih daripada 5,000 ekar tanaman padi luar musim telah diserang oleh penyakit merah. Dan baru-baru ini hampir 5,000 ekar lagi padi musim utama telah musnah di sebabkan serangan kutu beruang. Beberapa tindakan segera telah diambil oleh Jabatan Pertanian untuk melawan serangan ini dan nampaknya keadaan telah bertambah baik. Walau bagaimanapun hasil di kawasan Krian Laut telah merosot pada tahun lepas.

Kejatuhan hasil di setengah-setengah kawasan projek ini bukanlah disebabkan oleh adanya projek ini, tetapi disebabkan oleh bencana alam. Oleh yang demikian adalah tidak tepat dakwaan bahawa Projek Krian/Sg. Manik ini telah tidak mencapai kejayaan seperti yang dirancang. Masalah yang dihadapi sekarang adalah disebabkan oleh bencana alam dan ianya tidak akan menghalang pencapaian matlamat projek.

Faedah projek akan dapat dirasakan sepenuhnya setelah ianya siap dalam tahun 1985.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5, 10, 14, 15, 18, 20, 22, 26, 27, 28 dan 30 hingga 39 dan 41 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

PENGGUNAAN SISTEM METRIK— MANIPULASI PENIAGA

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mencegah manipulasi pihak peniaga terhadap para pengguna akibat peralihan ke sistem metrik.

Dato' Lew Sip Hon: Kerajaan mula menguatkuasakan penggunaan sistem metrik di Negara pada 1-1-1982 di mana mulai dari tarikh tersebut setiap penggunaan yang melibatkan timbangan dan sukatan adalah diwajibkan diperbuat di dalam kiraan metrik. Dalam hubungan ini, mulai dari tarikh yang disebutkan di atas, semua alat-alat timbangan dan sukatan yang bukan metrik tidak lagi boleh digunakan dalam urusaniaga di semua peringkat. Kerajaan memang menyedari bahawa dengan pertukaran dari sistem imperial ke sistem metrik maka akan terdapat setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan cuba mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi keadaan. Kerajaan sedar jika perkara ini dibiarkan berlaku akan menimbulkan kesusahan kepada pengguna-pengguna. Dengan menginsafi hakikat ini, Kerajaan telah mengatur dan melaksanakan beberapa langkah untuk menentukan bahawa proses peralihan sistem ini berjalan lancar. Di antara langkah yang diambil adalah:

- (i) memberi taklimat-taklimat dan ceramah-ceramah mengenai sistem metrik kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, pihak Swasta, Persatuan-persatuan dan Dewan-dewan Perniagaan, Pertubuhan Wanita, Penghulu-penghulu, Penjual-penjual alat timbang dan sukat dan lain-lain. Tujuan taklimat dan ceramah ini adalah untuk menerangkan dengan jelas mengenai

- pertukaran ke sistem metrik di Negara serta unit-unit kiraan metrik yang biasa dipakai untuk kegunaan harian. Bagi kawasan luar bandar pula, taklimat dan ceramah yang serupa telah diadakan dengan bantuan daripada Pegawai-pegawai Luar, Jabatan Penerangan Malaysia;
- (ii) Menyediakan dan membahagi-bahagikan dengan percuma poster-poster, buku-buku panduan, risalah-risalah metrik carta-carta dan kad-kad pertukaran harga dan berat sebagai panduan kepada para peniaga dan orang ramai apabila mereka menggunakan sistem metrik sepenuhnya ketika membeli belah barang-barang keperluan;
 - (iii) Menayangkan filem-filem treler mengenai sistem metrik melalui Televisyen dan panggung-panggung wayang;
 - (iv) Menyiarkan garis-garis panduan mengenai cara-cara membeli belah mengikut timbangan dan sukatan metrik melalui radio dan Televisyen Malaysia;
 - (v) Melantik melalui proses perlesenan peniaga-peniaga yang sah sebagai pembuat, membaiki dan menjual alat-alat timbang dan sukat metrik;
 - (vi) Mewujudkan dan melaksanakan sistem pemeriksaan alat-alat timbang dan sukat yang digunakan dalam urusniaga bagi menentukan timbangan dan sukatannya telah disahkan betul;
 - (vii) Menentukan bahawa semua alat timbang dan sukat yang masih menggunakan sistem imperial atau yang mempunyai dua ukuran iaitu imperial dan metrik tidak lagi digunakan. Ini adalah untuk mengelakkan dari timbulnya kekeliruan di kalangan orang ramai;
 - (viii) Menentukan bahawa setiap harga yang dipamirkan di atas barang-barang jualan adalah ditandakan mengikut ukuran dan sukatan unit metrik sahaja;

- (ix) Memeriksa dan menentukan bahawa setiap kadar pertukaran (conversion) dari sistem imperial ke sistem metrik adalah tepat dan betul;
- (x) Mengambil tindakan ke atas semua aduan-aduan mengenai dengan amalan 'over charging' yang berpunca dari pertukaran (conversion) dari kiraan imperial ke kiraan metrik;
- (xi) Memeriksa setiap perihal ukuran dan berat barang-barang yang telah siap dibungkus bagi menentukan perihal sukatan dan timbangan adalah betul.

Berikutan dengan langkah-langkah yang telah diutarakan, Kementerian saya telah mengambil sebanyak 102 kes terhadap peniaga-peniaga yang melanggar peruntukan Akta Timbang dan Sukat 1972 sejak ianya dikuatkuasakan mulai 1-1-1982 sehingga 15-3-1982 dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian saya akan terus berusaha untuk menentukan sistem ini berjalan dengan lancar. Di samping itu, adalah diharapkan agar pengguna-pengguna juga bersikap positif dengan menerima dan seterusnya mengamalkan sistem ini dalam urusan seharian mereka supaya kejayaan sepenuhnya dapat dicapai.

BIRO SIASATAN NEGARA— MEMERANGI RASUAH

5. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah BSN telah berjaya memerangi rasuah di bawah pentadbiran baru.

Perdana Menteri: Seperti yang telah dinyatakan berkali-kali Kerajaan sekarang akan berusaha sedaya upaya untuk mengikiskan perbuatan rasuah. Satu langkah penting yang sedang diambil untuk mencapai matlamat itu ialah memperkemaskan lagi jentera dan organisasi BSN. Sebagaimana Ahli-ahli sekalian sedia maklum Kerajaan akan kemukakan satu Rang Undang-undang di Persidangan ini untuk menukar nama Biro itu kepada Badan Pencegah Rasuah supaya tugas dan tanggungjawab tertumpu kepada

pencegahan rasuah dan tidak lain-lain jenis penyelewengan yang biasanya dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Selain daripada itu BSN telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan yang berikut:

- (a) Meningkatkan lagi kesedaran tentang peranan BSN di kalangan rakyat dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun supaya mereka lebih berwaspada dan berhati-hati dengan kegiatan-kegiatan penyelewengan dan rasuah;
- (b) menempatkan pegawai-pegawai yang sesuai untuk sesuatu tugas siasatan;
- (c) memupuk semangat kesedaran sivik dan tanggungjawab masyarakat kepada negara terhadap keburukan amalan rasuah, melalui penerbitan dan media massa;
- (d) mengadakan pengawasan dan penyeliaan yang rapi serta mengadakan tindakan disiplin yang kuat ke atas semua pegawai BSN dengan tujuan untuk meningkatkan lagi prestasi tugas mereka;
- (e) menyemakkan pengisytiharan harta-benda yang dibuat oleh Anggota-anggota Pentadbiran termasuk Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi 'D' ke atas dan Ketua-ketua Jabatan untuk memastikan tidak ada unsur rasuah yang terlibat dalam pemilikan hartabenda itu.

Dari segi angka kes-kes rasuah, dalam tempoh 8 bulan yang lepas kedudukannya adalah seperti berikut:

(a) Maklumat yang diterima . .	5,582
(b) Kertas Siasatan yang dibuka	312
(c) Kertas Penyiasatan yang dibuka	1,865
(d) Tangkapan yang dibuat . .	172

PROJEK UREA ASEAN— JUMLAH SAHAM

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah

saham tiap-tiap negara anggota ASEAN dalam Projek Urea Bintulu yang bernilai \$737 juta.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Jumlah saham bagi tiap-tiap negara ASEAN dalam Projek Urea ASEAN ialah seperti berikut:

1. Indonesia	13%
2. Filipina	13%
3. Thailand	13%
4. Singapura	1%
5. Malaysia	60%

PENCARUM-PENCARUM LUTH— BAYARAN BONUS

14. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan yang tidak seimbang di antara caruman dan pulangan yang diterima oleh pencarum-pencarum LUTH dan sama ada sebarang cadangan untuk mengeluarkan biasiswa kepada anak-anak pencarum berdasarkan jumlah caruman dan tempohnya dan samada beliau boleh memberi jaminan bahawa WISMA HAJI yang dirancangan pembukaannya tidak lama lagi itu akan dijadikan sebagai MUSAFIR KHANAH di luar Musim Haji, seperti yang dilakukan oleh Indonesia dengan asrama-asrama Haji mereka.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Simpanan atau caruman dengan LUTH adalah untuk pelaburan. Keuntungan daripada pelaburan dibayar kepada penyimpan-pemimpan sebagai bonus. Untuk tahun 1981 LUTH telah bayar bonus pada kadar 9% (sembilan peratus) kepada pencarum-pencarum. Bonus ini dibayar setelah dikira semua keuntungan yang diperolehi sepanjang Tahun 1982 dan setelah ditolak zakat perniagaan atas simpanan pencarum-pencarum tersebut. Ini bermakna kadar pulangan iaitu bonus dan zakat, yang dibayar oleh LUTH untuk pencarum-pencarum adalah melebihi 10% (sepuluh peratus). Kadar ini adalah berpatutan.

Mengenai pemberian biasiswa, LUTH tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang biasiswa kepada anak-anak

pencaerum berdasarkan jumlah caruman dan tempohnya.

Pada awal bulan Julai 1982 Kompleks Jemaah Haji iaitu meliputi sebuah Asrama, Masjid dan Dewan Pelbagai Guna akan dibuka, di kawasan Sungai Way, Subang. Mungkin ini yang dimaksudkan sebagai Wisma Haji. Dalam Musim Haji ianya akan digunakan untuk kepentingan orang-orang Haji. Di luar Musim Haji pula bangunan akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang berfaedah. Sama ada akan dijadikan sebagai Musafir Khanah ini belum ditentukan kerana inilah kali pertama saya mendengar perkara ini. Jika sekiranya Musafir Khanah terdapat di Indonesia, LUTH akan menghantar pegawai-pegawainya untuk mengkajinya dan jika terdapat sesuai dan berfaedah, Kompleks Jemaah Haji di Sungai Way boleh dipertimbangkan untuk tujuan tersebut.

NOTIS PINDAH KEPADA PENGHUNI RUMAH—PAMPASAN

15. Tengku Noor Asiah bte Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan melayan sekumpulan penghuni rumah yang tinggal di Bandaraya ataupun di mana-mana juga yang dikenakan notis pindah untuk pembangunan bandar dengan diberi masa yang cukup di samping bayaran sugu hati untuk mencari tempat tinggal yang lain. Sama ada beliau sedar bahawa mereka menganggap Kerajaan boleh bertolak ansur dan dengan sebab itu protes yang dibuat adalah yang bukan-bukan dan tidak menasabah. Adakah layanan yang seumpama ini akan ditimbang lagi di masa yang akan datang.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): UDA menjalankan projek-projek pembangunan tanah di atas tanah-tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan di bawah Seksyen 76, Akta Kanun Tanah Negara, tanah yang diambil secara wajib di bawah Akta Pengambilan tanah 1960 dan tanah-tanah yang dibeli oleh UDA secara perjanjian dagang.

Selalunya tanah-tanah ini mempunyai masalah yang berupa bangunan-bangunan yang sedia terdiri, tuan punya tanah, penyewa

serta penyewa-penyewa kecil dan juga setingan-setingan.

Untuk mengosongkan tanah-tanah yang telah dimiliki bagi membolehkan projek-projek pembangunan dijalankan, UDA mengambil tindakan berdasarkan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 ataupun Akta Kawalan Sewa 1966 sekiranya tanah-tanah tersebut jatuh di bawah Akta Kawalan Sewa 1966.

Mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960, penghuni-penghuni hendaklah diberi pampasan. Pampasan yang dibayar kepada penghuni-penghuni dibuat berdasarkan kepada penilaian oleh Perbendaharaan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah.

Pada kebiasaannya UDA memberi notis yang berpatutan mengikut peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tuan punya tanah dan penghuni-penghuni mengosongkan tanah-tanah yang telah dimiliki oleh UDA. Selain daripada itu UDA juga membantu penghuni-penghuni rumah kediaman dan tempat perniagaan dengan memberi surat-surat sokongan kepada Badan Kerajaan dan separuh Kerajaan untuk mereka diberi keistimewaan bagi mendapat tempat kediaman dan perniagaan dan juga lesen-lesen perniagaan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, UDA tidak menjamin ataupun memperuntukkan tempat kediaman atau perniagaan kepada tuan punya tanah dan penghuni-penghuni.

Pihak saya juga tidak akan melayan mana-mana tuntutan-tuntutan atau desakan-desakan yang tidak menasabah dan yang sengaja diadakan untuk menghalang atau melambatkan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh UDA.

PERHUBUNGAN MALAYSIA—BRITAIN

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada “down-grading” perhubungan di antara Britain dan Malaysia merupakan satu ciri tetap atau akan dihapuskan apabila perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua negara berkenaan diselesaikan.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Sepertimana yang telah saya nyatakan dahulu dalam Dewan ini bahawa masalah hubungan dua hala kita dengan Britain adalah merupakan satu daripada sikap British terhadap Malaysia iaitu sikap kurang faham British terhadap dasar-dasar negara kita dan masalah kita yang unik. Malaysia tidak mempunyai masalah diplomatik dengan Britain dan perdagangan serta pelaburan dengan Britain adalah sepertimana biasa. Dalam hubungan ini YAB Perdana Menteri telahpun mengatakan bahawa Malaysia ingin mempunyai hubungan baik dengan Britain tetapi sikap mereka mestilah diubah. Mereka hendaklah menunjukkan pemahaman yang baik terhadap dasar-dasar Kerajaan kita terutamanya Dasar Ekonomi Baru. Ini sudah tentulah akan mengambil masa, tetapi walau bagaimanapun ianya telah menunjukkan beberapa perbaikan dan pada masa ini Britain telahpun dapat menyesuaikan diri mereka.

PERJANJIAN GETAH ASLI ANTARABANGSA (INRA)

20. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa INRA tidak dipersetujui oleh Persatuan Pekebun Kecil Kebangsaan dan dengan itu sama ada beliau bercadang supaya Malaysia menarik diri dari INRA.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Saya tidak pasti bahawa Persatuan Pekebun Kecil Getah Kebangsaan tidak mempersetujui dengan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA). Apa yang saya mengetahui ialah Persatuan itu ingin Perjanjian memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menstabilkan pasaran getah.

Untuk tujuan sedemikian, penyemakan semula jajaran harga dalam Perjanjian selaras dengan kenaikan kos pengeluaran getah adalah satu perkara yang terpenting dan Kerajaan sememangnya memandang berat akan perkara ini. Itulah sebabnya Malaysia bersama-sama dengan negara-negara pengeluar yang lain akan terus mengambil peranan yang aktif bagi menyemak semula jajaran harga dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Getah Asli Antarabangsa yang akan

datang seperti yang telah dilakukan dengan giatnya di mesyuarat-mesyuarat Majlis yang lepas. Mengenai penyemakan semula jajaran harga dalam Perjanjian, peruntukan ada diperbekalkan dalam Perjanjian tersebut bagi membolehkan jajaran harga telah dipersetujui disemak semula dan dinaikkan apabila syarat-syarat tertentu sepertimana yang tercatat dalam Perjanjian dipenuhi.

Dalam mesyuarat Majlis Getah Asli Antarabangsa yang lalu, negara-negara pengeluar yang diketuai oleh Malaysia telah menggesa cara-cara Operasi Stok Penimbal Getah dijalankan dengan lebih giat lagi untuk mempertahankan harga getah. Oleh itu, Majlis telah mengarahkan Pengurus Stok Penimbal supaya menjalankan operasinya dengan secara lebih aktif serta berkesan dan beliau dikehendaki menggunakan segala cara yang dibenarkan supaya campurtangan beliau dalam pasaran sebenarnya dapat meletakkan harga getah pada paras yang lebih stabil. Bagi melengkapkan Pengurus Stok Penimbal dengan peruntukan wang yang cukup untuk menghadapi pasaran getah yang masih lemah, mesyuarat khas itu juga bersetuju supaya sumbangan yang ketiga sebanyak \$200 juta dipanggil dari negara-negara ahli. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah Kebangsaan sendiri telah mengalu-alukan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Getah Asli Antarabangsa itu seperti yang telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan berikutan dengan mesyuarat khas tersebut.

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa adalah berjaya dalam mempertahankan harga getah dari terus merosot walaupun pasaran getah masih menghadapi keadaan yang lembab. Oleh itu harga RSSI telah distabilkan pada lebihkurang 200 sen-210 sen/kg manakala RSS3 dan SMR 20 lebihkurang 175 sen-185 sen se kilo. Penstabilan harga adalah dibuat melalui cara Setok Penimbal dimana perbelanjaan besar untuk peruntukannya dibiayai oleh beberapa negara-negara pengeluar dan pengguna yang menjadi ahli-ahli kepada Perjanjian tersebut. Selain daripada objektif menstabilkan harga, Perjanjian juga memperuntukkan langkah-langkah memajukan perusahaan getah asli

seperti meninggikan daya pengeluaran serta memperbaiki mutu dan pemerosesan getah.

Sebagai negara pengeluar yang utama, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif untuk memajukan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa supaya ia dapat memenuhi objektif-objektif penstabilan harga getah dan langkah-langkah lain seperti terkandung dalam Perjanjian tersebut.

PERMIT LORI/TEKSI/BAS— PEMBAHAGIAN

22. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah kriteria yang menjadi perhitungan di dalam pembahagian permit sama ada lori/teksi/bas.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang menjadi perhitungan di dalam pembahagian permit sama ada permit lori, teksi, ataupun bas. Kriteria-kriteria yang paling penting sekali yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pelesenan adalah seperti berikut:

- (i) *Kemampuan mengurus* Pemohon yang memohon sesuatu permit itu mestilah menunjukkan kemampuan beliau untuk mengurus bidang perniagaan yang akan dimasuki kelak;
- (ii) *Kemampuan modal* Setiap pemohon mestilah menunjukkan bahawa mereka mampu dari segi menyediakan modal untuk membeli kenderaan-kenderaan yang bakal diluluskan nanti; dan
- (iii) *Pengalaman* Pengalaman adalah juga merupakan satu kriteria yang diambil kira oleh Lembaga Pelesenan semasa menimbang sesuatu permohonan. Pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman di dalam bidang pengangkutan adalah lebih diutamakan daripada mereka yang tidak tahu-menahu tentang selok-belok pengendalian perusahaan pengangkutan.

Di samping tiga kriteria-kriteria yang penting yang diperhitungkan semasa

permohonan ditimbang, kriteria-kriteria lain yang lebih khusus adalah juga digunakan untuk memastikan bahawa permit-permit yang diberi itu dapat diusahakan dengan betul dan tidak jatuh ke tangan orang lain atau disalahgunakan permit-permit tersebut. Kriteria-kriteria khusus yang saya maksudkan adalah seperti berikut:

(a) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Lori 'A'*

- (i) Pemohon-pemohon dapat membuktikan bahawa mereka mempunyai perjanjian untuk mengangkut barang-barang ataupun mempunyai sokongan daripada syarikat-syarikat yang sanggup memberi barang-barang untuk pemohon mengangkut apabila permohonan diluluskan kelak.

(ii) Penyertaan bumiputra di dalam syarikat yang memohon.

(b) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Lori 'C'*

- (i) Pemohon-pemohon yang memohon permit *Lori "C"* mestilah mempunyai perniagaan sendiri dan perniagaan ini dijalankan tidak kurang daripada satu tahun

(ii) Pemohon dapat membuktikan bahawa beliau telah menyewa lori untuk mengangkut barang-barangnya dan ini telah menambahkan lagi kos pengendalian perniagaan pemohon.

(iii) Pemohon dapat membuktikan bahawa tidak ada lori untuk disewa ataupun pembekalan pengangkutan daripada syarikat pengangkutan tidak mencukupi atau tidak tetap.

(c) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Teksi:*

- (i) Mempunyai Lesen P.S.V. supaya pemohon dapat menyesuaikan

dengan polisi Kerajaan iaitu polisi 'milik pandu sendiri'.

- (ii) Pemohon-pemohon dapat membuktikan bahawa membawa teksi merupakan pekerjaannya sepenuh masa.
- (iii) Kelulusan permit teksi kepada mana-mana pemohon adalah juga berdasarkan kepada keperluan sesuatu kawasan atau pengkalan.

(d) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Bas Kilang*:

Di samping kriteria seperti keupayaan mengurus, kemampuan kewangan dan pengalaman pemohon juga mestilah menunjukkan bahawa beliau mempunyai sokongan penuh daripada kilang-kilang yang sanggup memberi penumpang. Nama-nama pekerja kilang mestilah disertakan. Bagi permohonan yang diterima daripada pihak kilang sendiri, pihak kilang mestilah membuktikan bahawa keperluan pengangkutan wujud dan perkhidmatan bas kilang tidak ada ataupun kurang.

(e) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Bas Sekolah*:

Pemohon mestilah membuktikan bahawa beliau mempunyai pelanggan dengan memberi nama-nama murid yang hendak dibawa dan senarai nama ini mestilah disahkan oleh Guru Besar sekolah berkenaan.

(f) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Bas Persiaran*:

- (i) Pemohon mestilah menunjukkan bahawa beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan agen-agen pelancongan di dalam dan di luar negeri.
- (ii) Pemohon mestilah merangka dan menunjukkan 'itinerary' atau jadual lawatan.
- (iii) Pemohon mestilah mendapat sokongan daripada pihak

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

- (iv) Penyertaan bumiputera di dalam syarikat yang memohon.

(g) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Bas Berhenti-henti*:

- (i) Pemohon mestilah membuktikan keperluan pengangkutan perkhidmatan awam wujud di laluan berkenaan.
- (ii) Pemohon mestilah membuktikan perkhidmatan yang sedia ada tidak mencukupi.
- (iii) Penyertaan bumiputera di dalam syarikat pemohon.
- (iv) Yang paling penting sekali ialah laporan mengenai keperluan dan perkhidmatan yang sedia ada di laluan berkenaan yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

(h) Kriteria khusus yang digunakan semasa mempertimbangkan permohonan *Bas Ekspres*:

- (i) Perkhidmatan ekspres yang dipohon mestilah menghubungi dua pekan yang penting.
- (ii) Pemohon dapat membuktikan keperluan perkhidmatan bas ekspres wujud di laluan berkenaan.
- (iii) Perkhidmatan yang sedia ada sama ada cukup ataupun tidak.
- (iv) Penyertaan bumiputera di dalam syarikat yang memohon.
- (v) Yang penting sekali ialah laporan mengenai perkhidmatan yang sedia ada dan keperluan pengangkutan di laluan berkenaan yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa Anggota Keselamatan adalah juga merupakan satu kriteria yang diambil kira di dalam mempertimbangkan permohonan untuk mendapatkan permit terutamanya permit teksi.

Bilangan permit-permit lori, teksi dan bas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sehingga akhir bulan Januari, 1982 adalah seperti berikut:

Teksi/kereta sewa	20,367	
Kereta sewa pandu sendiri ..	970	
Teksi Limousine	509	
Bas Sekolah	6,761	
Bas Kilang	1,181	
Bas Berhenti-henti	4,192	yang dijalankan oleh 197 pengusaha
Bas Ekspres	645	yang dijalankan oleh 91 pengusaha
Bas Persiaran	421	
Lori 'A'	14,232	
Lori 'C'	66,680	

TANGKAPAN IKAN

26. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertanian menyatakan apakah ikhtiar untuk menjamin ikan dan berbagai jenis karangan laut di pantai Malaysia tidak berkurangan dari masa kesemasa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Ikhtiar yang dimaksudkan termasuklah:

- (i) menghadkan unit menangkap ikan terutama sekali pukut tunda;
- (ii) memperakukan mata pukut yang lebih besar di bahagian kandel pukut tunda supaya lebih banyak anak ikan dan udang dapat lari keluar;
- (iii) memastikan penebangan hutan bakau dalam pengembangan ternakair pantai dikawal supaya tempat pembiak semulajadi ikan dan udang tidak dimusnahkan sama sekali;
- (iv) Menggalakkan penyediaan makanan tiruan untuk ternakair supaya ternakair tidak semata-mata mengharapkan makanan yang tertumpu dari tangkapan ikan, baja yang juga mengandungi anak-anak ikan dan udang;

(v) memastikan pengembangan industri dan pembangunan negara tidak mengakibatkan pencemaran air yang akan mendatangkan kesan yang buruk kepada kawasan pembiak semulajadi ikan dan udang dan juga perikanan yang sedang diterokai;

(vi) mengadakan tukun-tukun tiruan yang diperbuat daripada tayar-tayar lama supaya memberi perlindungan kepada anak-anak ikan untuk membesar;

(vii) menjalankan peraturan-peraturan penguatkuasaan dengan tegas.

KONFLIK IRAN-IRAQ— PENDIRIAN MALAYSIA

27. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Raja Jordan (Al-Malik Hussein) telah mengambil pejuang-pejuang sukarela yang menyokong Iraq dalam peperangan dengan Iran, jika ya, apakah dasar Malaysia dalam perkara ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Saya memang sedar adanya laporan yang mengatakan bahawa Raja Jordan telah mengambil pejuang-pejuang sukarela yang menyokong Iraq untuk berjuang bersama-sama tentera Iraq dalam peperangan Iran-Iraq.

Saya telah beberapa kali menyatakan pendirian Malaysia terhadap konflik Iran-Iraq di Dewan yang mulia ini. Namun demikian, saya fikir ada baiknya jika pendirian kita itu diulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini supaya tidak timbulnya sebarang salah faham.

Kita mengambil pendirian berkecuali terhadap konflik Iran-Iraq, iaitu satu konflik yang melibatkan dua buah negara Islam dan telah berlarutan selama 18 bulan. Kita berpendapat bahawa konflik ini bukan sahaja merugikan Iran dan Iraq, tetapi ianya juga menjejaskan perpaduan Islam. Yang demikian, kita telah beberapa kali melafazkan harapan kita agar kedua-dua negara yang berperang itu dapat menamatkan konflik di antara mereka secara aman damai dengan seberapa segera. Untuk mencapai tujuan ini, kita telah turut memainkan peranan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri kita ialah salah seorang anggota Jawatankuasa Damai Mengenai Konflik Iran-Iraq yang telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). YAB Perdana Menteri kita telah menghadiri Sidang Ketiga Jawatankuasa itu di Jeddah baru-baru ini.

Malaysia akan terus memberi sumbangan seberapa yang boleh ke arah penyelesaian konflik Iran-Iraq dan kita berharap konflik itu akan selesai secara aman damai secepat mungkin demi kebaikan dan perpaduan Ummah Islam.

PESAKIT JANTUNG—RAWATAN

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan memberi butir-butir lanjut tentang bilangan pesakit-pesakit jantung yang berada dalam senarai menunggu untuk dirawat menerusi pembedahan, bilangan kes-kes baru ditambah setiap tahun kepada timbunan yang sedia ada dan bilakah sebuah pusat pembedahan jantung yang serba lengkap akan siap untuk membantu pesakit-pesakit yang telah menderita begitu lama.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Jabatan Kardiologi, Hospital Besar, Kuala Lumpur ada menyimpan senarai nama-nama pesakit jantung yang memerlukan rawatan yang dirujuk kepadanya. Dalam senarai ini ada kalanya terdapat kira-kira 10 hingga 15 nama yang memerlukan pembedahan jantung ataupun lain-lain rawatan kepakaran di luar negeri.

Jabatan ini jua ada menyimpan senarai nama-nama pesakit yang sedang dirawat oleh pakar-pakar dan doktor-doktornya sendiri. Beberapa orang daripada pesakit-pesakit ini sedang ditapis untuk kemungkinan pembedahan di Yunit "Cardio-thoracic" yang baru ditubuhkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Saya telah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kesihatan telah menghantar sekumpulan kakitangan terdiri daripada doktor-doktor, jururawat-jururawat dan juruteknik-juruteknik ke Australia untuk dilatih sebagai suatu pasukan, melengkapkan diri mereka menjalankan pembedahan jantung terbuka.

Saya merasa gembira untuk memaklumkan bahawa kumpulan ini telahpun kembali sekarang. Pakar Jantung sedang bekerjasama rapat dengan Pakar Perunding Kanan Kardiologis kita bagi menyediakan kes-kes untuk pembedahan di sini. Mereka dijangka akan memulakan pembedahan kes-kes jantung tertentu menjelang bulan April tahun ini. Sementara itu suatu Yunit "Cardiothoracic" yang khas, lengkap dengan dewan pembedahan, alat-alat dan katil-katil yang diperlukan telahpun ditubukan untuk tujuan ini. Buat masa ini terdapat sebanyak 135 nama-nama pesakit di dalam senarai ini. Secara purata, kira-kira 100 kes-kes yang baru ditambah ke dalam senarai ini tiap-tiap tahun.

SKIM RUMAH PANJANG— PERUNTUKAN

30. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi peruntukan yang lebih untuk skim rumah panjang di Sarawak oleh kerana peruntukan sekarang sebanyak tiga ratus ribu ringgit setahun untuk seluruh negeri Sarawak adalah tidak memadai untuk skim tersebut.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberi oleh Kementerian saya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah untuk projek perumahan kos rendah. Dalam hal ini, Kementerian saya telah memberi peruntukan sebanyak \$42.1 juta (\$42,100,000) dan peruntukan tambahan sebanyak \$46.4 juta (\$46,373,162) yakni \$88 juta (\$88,473,162) kesemuanya, kepada Kerajaan Sarawak.

Projek-projek yang dilaksanakan oleh Negeri Sarawak serta juga jenis rumah adalah ditentukan di peringkat Jawatankuasa Perhubungan Negeri. Daripada 4,000 unit rumah awam kos rendah yang sedang/akan dilaksanakan oleh Negeri Sarawak, sebanyak 606 unit adalah jenis rumah panjang.

PERUSAHAAN MAKANAN ORANG-ORANG ISLAM

31. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan

mengadakan undang-undang dan peraturan yang lebih ketat ke atas pengusaha-pengusaha Bumiputera dalam perusahaan membuat makanan, khusus bagi orang-orang Islam, supaya tidak menceburi bidang-bidang perusahaan membuat keropok, budu, ikan kering dan lain-lain agar perusahaan-perusahaan kekal menjadi hak Bumiputera.

Dato' Lew Sip Hon Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkembangan dan kejayaan sesuatu perusahaan itu bukanlah bergantung kepada sesuatu bidang itu dikhaskan kepada satu golongan tetapi sebaliknya bergantung kepada kewibawaan pengusaha-pengusaha sendiri memenuhi permintaan-permintaan pengguna dengan menyedia dan membekalkan keluaran-keluaran yang bermutu dengan harga yang munasabah. Dalam hal ini adalah lebih baik bagi usaha-usaha Kerajaan ditumpukan bagi meningkatkan lagi taraf keusahawanan Bumiputera bukan sahaja dalam bidang yang sedia diceburi mereka bahkan di dalam mana-mana juga bidang agar perusahaan-perusahaan Bumiputera menjadi setanding dan mendapat pasaran yang baik di pasaran bebas.

Langkah ini telah pun dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan dan bimbingan-bimbingan dari segi teknologi, kewangan, latihan, pemasaran dan sebagainya dan Kementerian saya, melalui Bahagian Perusahaan Kecil, akan berusaha menyelaraskan dan melipatgandakan usaha-usaha ke arah mempertingkatkan taraf keusahawanan pengusaha-pengusaha Bumiputera. Dalam pada itu, sesuatu kejayaan akan hanya tercapai seandainya pihak pengusaha sendiri menyambut usaha-usaha Kerajaan itu dengan cara positif dan sedia menambahkan usaha untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran serta taraf keusahawanan mereka. Saya percaya sekiranya pengusaha-pengusaha Bumiputera dapat mengeluarkan barang-barang yang bermutu dengan harga yang berpatutan, haruslah tidak sukar bagi mereka menghadapi masalah bersaing dengan pengusaha-pengusaha lain.

UNIVERSITI KEENAM—KAJIAN

32. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan terdapatnya kekurangan tempat-tempat di dalam universiti di dalam negara ini, adakah Kerajaan akan menubuhkan universiti yang keenam di negara ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan sedang mengkaji perlunya mengadakan sebuah lagi universiti di Malaysia.

BEKALAN ARANG BATU

33. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada usaha yang tegas sedang diambil untuk penggunaan bersama bekalan arang batu di kalangan negara-negara dalam Asean, jika ya negara-negara manakah yang terlibat dalam penggunaan itu dan hasil yang dicapai.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Buat masa ini belum terdapat usaha untuk mengusahasil bersama bekalan arang batu di kalangan negara-negara ASEAN. Namun demikian, Pegawai-pegawai Kajibumi Malaysia dan Thailand telah mengadakan rundingan baru-baru ini untuk membincangkan kemungkinan mengusahasil bersama sebarang enapan arang batu yang mungkin terdapat di Sempadan Malaysia dengan Thailand. Persetujuan bersama telah dicapai, pada dasarnya, supaya kajian yang lebih lanjut mengenai keadaan geologi di kawasan Sempadan Malaysia dengan Thailand dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan untuk mengusahasil bersama enapan arang batu dibuat.

Kawasan lain yang mempunyai enapan arang batu yang boleh diusahakan bersama ialah di Sempadan Malaysia dengan Indonesia, iaitu di kawasan Silantek, Sarawak. Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum terdapat apa-apa cadangan secara resmi di antara kedua-dua Kerajaan berkenaan untuk menyiasat secara bersama enapan arang batu bagi membolehkan kemungkinan mengusahasil bersama arang batu yang terdapat di kawasan tersebut.

BANK ISLAM—PENUBUHAN

34. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah masanya sebuah Bank Islam akan ditubuhkan di negara kita dan berapakah modal pusingannya dan siapakah pula penganjurnya bagi mengadakan bank tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozman, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, untuk mengkaji tentang penubuhan sebuah bank Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar dari berbagai lapangan termasuk bidang bank, undang-undang dan ugama. Keterangan lanjut mengenai cadangan bank Islam ini hanya dapat diketahui apabila Jawatankuasa tersebut mengemukakan laporan yang lengkap kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

PERKHIDMATAN POS— MEMBAIKI MUTU

35. Tuan Wong Hong Keat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan beberapa surat-surat yang dikirimkan gagal sampai ke destinasi dan juga menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki mutu perkhidmatan pos kita.

Datuk Clarence E. Mansul: Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar tentang kelambatan penerimaan surat-surat ke destinasi tetapi jika dibandingkan dengan jumlah mel yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos, kes-kes kehilangan mel adalah sangat kecil.

Untuk makluman, surat-surat gagal untuk sampai ke pihak penerima hanya dalam keadaan-keadaan tertentu dan sebilangan besar dari kes-kes demikian adalah didapati berpunca dari surat-surat yang mempunyai alamat yang lengkap ataupun silap. Saya akan berterima kasih jika Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kes-kes tersebut dengan butir-butir kepada Jabatan Perkhidmatan Pos supaya ianya dapat disiasat dengan lebih teliti lagi.

Mengenai mutu perkhidmatan pos pula, sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini kami sedang berusaha ke arah mencapai matlamat penyerahan hari berikutnya bagi mel-mel tempatan yang diposkan di antara bandar-bandar besar. Malahan lebih kurang 80% daripada surat-surat yang dihantar di antara 23 buah bandar-bandar besar yang dikenali sebagai pusat-pusat peredaran mel dapat diserahkan pada hari berikutnya. Oleh kerana Jabatan Pos juga menghadapi beberapa kesulitan seperti kelemahan sistem pengangkutan awam, di kawasan-kawasan tertentu, kekurangan tenaga pekerja dan sebagainya maka matlamat tersebut akan dapat dicapai sepenuhnya hanya secara berperingkat-peringkat dalam jangkamasa yang panjang.

PELARIAN FILIPINA DAN PEN- DATANG HARAM INDONESIA BILANGAN

36. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagi tempoh 1976 hingga bulan Februari, 1981 berapa bilangan pelarian Filipina dan pendatang haram Indonesia yang—

- (a) ditangkap;
- (b) dipulangkan ke negeri asal;
- (c) sabit tuduhan;
- (d) dibebaskan dan sebab-sebab dibebaskan;
- (e) menunggu perbicaraan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Tidak ada pelarian Filipina yang masuk ke negeri Sabah dari tahun 1976 sehingga Februari, 1982. Manakala pendatang haram Indonesia yang telah ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari negara ini di antara tahun 1976 hingga Februari, 1982 adalah seperti berikut:

Tahun 1976

(a) ditangkap	3,205
(b) didakwa	1,442
(c) diusir keluar	1,763

Tahun 1977

(a) ditangkap	2,711
(b) didakwa	1,138
(c) diusir keluar	1,573

Tahun 1978

(a) ditangkap	1,275
(b) didakwa	699
(c) diusir keluar	928

Tahun 1979

(a) ditangkap	2,590
(b) didakwa	1,696
(c) diusir keluar	1,494

Tahun 1980

(a) ditangkap	3,014
(b) didakwa	901
(c) diusir keluar	2,113

Tahun 1981

(a) ditangkap	3,328
(b) didakwa	3,328
(c) diusir keluar	2,113

Tahun 1982 (Jan-Feb)

(a) ditangkap	609
(b) didakwa	—
(c) diusir keluar	609

SISTEM 3M—BANTAHAN

37. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Kementerianya masih berkeras hendak meneruskan dengan pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah China dan Tamil meskipun terdapat bantahan keras dari badan-badan pelajaran China dan Tamil dan ibubapa-ibubapa yang mempunyai anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah berkenaan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tidaklah benar bahawa pelaksanaan Kurikulum 3M ini mendapat bantahan keras dari badan-badan pelajaran China dan Tamil serta para ibubapa yang anak

mereka belajar di sekolah berkenaan. Bantahan yang timbul hanya disuarakan oleh golongan-golongan yang tidak memahami Kurikulum 3M ini dengan jelas ataupun telah dikelirukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan dengan Kurikulum 3M, masalah ini telah dapat diatasi. Dengan itu tidak ada sebab mengapa Kementerian Pelajaran tidak boleh meneruskan pelaksanaan Kurikulum 3M ini sebagaimana yang dirancang.

SUBSIDI PADI

38. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa pemberian subsidi padi sebanyak \$10.00 sepikul yang dijalankan sekarang ini adalah menggalakkan mereka menjual padi daripada disimpan dan sebahagian besar petani tidak begitu mendapat faedahnya. Jika sedar apakah cadangan dan cara lain yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan agar para petani benar-benar akan mendapat keuntungan yang lebih lagi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Skim Subsidi Harga Padi melalui pemberian kupon yang dilaksanakan sekarang adalah bertujuan untuk meninggikan pendapatan pesawah-pesawah di samping memastikan bahawa harga beras dapat dikekalkan di paras harga semasa. Ahli Yang Berhormat telah menyatakan di dalam soalan bahawa subsidi sekarang menggalakkan pesawah-pesawah menjual padi daripada disimpan. Jika demikian pesawah-pesawah sendiri menyedari bahawa dengan menjual lebihan padi daripada keperluan, mereka boleh mendapat subsidi dan pendapatan yang lebih, terutama jika mereka dapat mengeluarkan padi yang mutu tinggi.

Saya kurang jelas dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat iaitu sebahagian besar pesawah tidak begitu mendapat faedah dari subsidi Harga Padi. Sukacita saya memaklumkan bahawa mengikut sistem pelaksanaan subsidi sekarang setiap pesawah yang menjual padi sama ada terus kepada pusat belian yang ditetapkan iaitu kompleks-

kompleks LPN, kilang-kilang padi swasta bertaraf komersial dan agen membeli padi LPN, ataupun melalui pembeli-pembeli padi berlesen adalah boleh mendapat subsidi. Semenjak skim ini dilaksanakan pada 10hb Januari 1980 sehingga 31hb Januari 1982 bilangan pesawah yang menerima subsidi mengikut daftar komputer ialah 174,036 orang. Mengikut analisa komputer penuaian padi musim pertama 1981 sejumlah 83.43% daripada 156,632 orang pesawah yang menerima subsidi adalah terdiri dari mereka yang mendapat subsidi \$1,000 ke bawah. Jumlah tersebut menunjukkan ramai pesawah-pesawah kecil menerima subsidi.

PERISYTIHARAN DARURAT— MEMBATALKAN

39. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan keempat-empat Perisytiharan Darurat yang diisytiharkan dalam tahun 1964 disebabkan konfrontasi Indonesia, tahun 1966 disebabkan krisis mengenai Ketua Menteri Sarawak, tahun 1969 kerana kerusuhan Mei 13 dan tahun 1977 kerana krisis PAS-UMNO Kelantan kerana keadaan yang menyebabkan perisytiharan-perisytiharan darurat diisytiharkan telah lama tidak wujud lagi; dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Kerajaan belum bercadang membatalkan Perisytiharan-perisytiharan Darurat seperti yang dibangkitkan itu. Ini disebabkan Kerajaan menyedari akan tanggungjawabnya kepada rakyat untuk menjamin supaya keselamatan dan kestabilan negara sentiasa terkawal bagi membolehkan pembangunan berjalan dengan lancar demi kebahagiaan rakyat. Oleh itu, Kerajaan perlu mengemukakan langkah-langkah pencegahan (preventive measures) bagi mengekalkan keselamatan dan kestabilan negara dengan cara mengekalkan Ordinan-ordinan yang telah dibuat di bawah Peraturan-peraturan Darurat tersebut.

AHLI LEMBAGA MAJLIS PERBANDARAN/TEMPATAN— TANGGUNGJAWAB

41. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa

majoriti dari Ahli Lembaga Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Tempatan yang dilantik tidak berjalan dengan baik sebagaimana yang terdapat dengan kurangnya ahli-ahli majlis tersebut yang hadir dan sikap tidak apa yang ditunjukkan kerana mereka hanya berharap yang mereka akan dilantik dari tahun ke tahun. Jika sedar, adakah beliau bercadang akan menghapuskan semua ahli majlis tempatan untuk menjimatkan wang rakyat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan sukarlah untuk saya memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, dalam Akta Kerajaan Tempatan ada peruntukan-peruntukan yang menerangkan dengan jelas tentang kehadiran ahli-ahli majlis penguasa-penguasa tempatan dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis. Mengikut Akta tersebut, sekiranya seseorang Yang Dipertua tidak bersetuju dengan ahli-ahli majlis lain dalam menjalankan kuasa-kuasanya atau kuasa-kuasa pihak berkuasa tempatan, maka ia hendaklah merujuk perkara ini kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri dan keputusan Menteri Besar atau Ketua Menteri adalah muktamad. Akta tersebut juga seterusnya ada menyatakan bahawa Yang Dipertua boleh membenarkan ahli-ahli majlis untuk tidak menghadiri mesyuarat dalam tempoh dan atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Pihak berkuasa Negeri.

PENYIASATAN KEMALANGAN KAPALTERBANG YANG TERHEMPAS

42. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada siasatan ke dalam terhempasnya kapal terbang yang dinaiki oleh Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Luar Negeri telah selesai; jika ya, nyatakan sama kecederaan yang dialami oleh Menteri berkenaan adalah sejajar dengan impact dan kerosakan kepada kapal terbang berkenaan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kemalangan yang menimpa Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Luar Negeri, masih lagi di dalam penyiasatan.

TRADE DEFICIT

43. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah banyakkah "trade-deficit" yang dialami oleh negeri kita bagi tahun 1981 dan sejauh manakah keadaan ini mempengaruhi pelaksanaan projek-projek pembangunan negara dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mencegah kemerosotan ekonomi negeri kita.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kurangan imbalan perdagangan bagi keseluruhan tahun 1981 belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 1981 kurangan perdagangan negara adalah sebanyak \$581.1 juta. Ini adalah kerana jumlah eksport merosot sebanyak 9.4% kepada \$23,538.8 juta berikutan dari harga barangan yang semakin rendah dan permintaan yang berkurangan. Jumlah import pula telah meningkat sebanyak 12.9% kepada \$24,119.9 juta.

Kurangan imbalan perdagangan ini bermakna bahawa hasil yang diperolehi dari cukai-cukai import dan eksport akan berkurangan. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kemerosotan yang berlaku di negara-negara perindustrian yang telah mengurangkan permintaan ke atas eksport barang-barang utama Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah dijangka kurangan ini akan dapat diatasi dengan kemasukan modal jangka panjang rasmi dan swasta yang dianggarkan berjumlah \$6,103 juta. Aliran masuk modal tersebut akan dapat membantu membiayai projek-projek pembangunan negara. Oleh itu, kurangan dalam perdagangan ini tidaklah menjejaskan kelancaran projek pembangunan yang dijalankan.

Pada masa ini negara-negara perindustrian sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan lembab dan pengangguran yang meluas yang menyebabkan perdagangan antarabangsa begitu lemah. Kemelesetan yang berlarutan di negara-negara perindustrian telah memberi kesan yang tidak begitu baik kepada negara kita.

Dalam Ucapan Belanjawan saya di Dewan yang mulia ini, saya telah memaklumkan

bahawa Strateji Belanjawan bagi tahun 1982 akan terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutamanya perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri, membasmi kemiskinan dan membendung inflasi. Langkah-langkah termasuk pengecualian duti eksport ke atas minyak kelapa sawit diproses, pemberian kredit cukai pelaburan, penghapusan kawalan import ke atas pengimportan mesin-mesin yang tidak dikeluarkan di negara ini, subsidi pembinaan rumah-rumah kos rendah, pembiayaan semula eksport dan lain-lain lagi akan diambil untuk memperkukuh kedudukan ekonomi dan imbalan pembayaran kita.

Kerajaan juga akan berusaha meningkatkan keupayaan daya pengeluaran di bidang-bidang yang mustahak supaya menambahkan pendapatan dan peluang pekerjaan dan seterusnya meningkatkan kegiatan ekonomi negara. Anggaran pada masa ini menunjukkan bahawa pertumbuhan sebenar ekonomi negara kita adalah dalam lingkungan 6-7% bagi tahun 1981 dan dijangka stabil pada paras ini dalam tahun 1982. Pelaksanaan strateji Belanjawan akan memberi asas yang kukuh bagi membolehkan ekonomi kita berkembang dengan kadar yang menggalakkan pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang akan datang.

KURIKULUM 3M—KEBENARAN

44. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar arahan telah dikeluarkan supaya orang ramai harus meminta kebenaran daripada Pengarah Pelajaran sebelum seorang dapat memerhatikan perjalanan kelas-kelas melaksanakan kurikulum 3M. Tindakan cukup bagi orang ramai memperolehi kebenaran itu daripada Guru Besar sekolah yang berkenaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran tidak ada mengeluarkan arahan supaya orang ramai memohon kebenaran daripada Pengarah Pelajaran Negeri sebelum seseorang boleh memerhatikan pengajaran yang bejalan di kelas-kelas yang melaksanakan kurikulum 3M.

Walaupun demikian ada terdapat di dalam Peraturan (Am) Sekolah-sekolah 1950, Bil. 53 dalam Ordinan Pendaftaran Sekolah-sekolah 1950 yang mengatakan, kebenaran hendaklah diperolehi daripada Pendaftar Sekolah-sekolah (iaitu Pengarah Pelajaran Negeri) bagi sesiapa, selain daripada orang-orang yang telah dibenarkan, yang hendak memasuki bangunan sekolah bagi tujuan yang tersebut atau bagi apa-apa tujuan yang lain.

PERHIMPUNAN AWAM ATAS SISTEM 3M—LARANGAN

45. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar sikap pihak Polis melarang perhimpunan-perhimpunan awam untuk membincang masalah-masalah yang berpunca dari sistem 3M itu adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan sendiri kerana Kerajaan selalu merayu kepada rakyat memberi pandangannya terhadap sistem tersebut, jika sedar, apakah beliau akan mengarah pihak Polis supaya menarik balik larangan itu sejajar dengan konsep demokrasi berparlimen dan keinginan pucuk pimpinan baru untuk mengadakan sebuah Kerajaan terbuka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh YAB. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PERKHIDMATAN CEMERLANG— MUTU KECEKAPAN

46. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Panduan Perkhidmatan Cemerlang untuk kakitangan Kerajaan telah membantu meninggikan daya pengeluaran dan kecekapan perkhidmatan awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Gerakan Perkhidmatan Cemerlang telah dilancarkan pada awal tahun 1979 dengan tujuan untuk membawakan satu ethika dan semangat kerja yang baru kepada perkhidmatan awam.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan terus dilaksanakan ialah:

- (i) memastikan supaya pegawai-pegawai baru dan setahun sekali, pegawai-pegawai yang sedia berkhidmat juga, mengangkat sumpah dan melafazkan ikrar taat setia kepada Kerajaan serta melaksanakan teras-teras perkhidmatan awam yang terkandung dalam ethika baru itu;
- (ii) mewujudkan satu sistem galakan kerja (work incentive) di mana pegawai-pegawai dan kakitangan yang memberikan perkhidmatan cemerlang dalam satu-satu tahun atau untuk jangka waktu tertentu, diberi pengiktirafan (recognition) dan hadiah yang sesuai;
- (iii) mengadakan pemilihan pengkhidmat cemerlang pada tiap-tiap tahun supaya timbul semangat berlumba-lumba untuk menunjukkan hasil kerja yang baik dan bermutu; dan
- (iv) mengadakan syarahan-syarahan, pertukaran fikiran dan seminar-seminar untuk mencari jalan bagi memperbaiki lagi hasil dan mutu kerja serta kecekapan perkhidmatan awam.

Setakat ini, kesan yang diperolehi dari Gerakan Perkhidmatan Cemerlang itu amatlah menggalakkan. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sudah ada "ideal" tertentu untuk dicapai dalam usaha memperbaiki pekerjaan mereka, sedar bahawa kerja yang cemerlang akan membawa pengiktirafan yang sesuai dan dapat mengukur kemajuan mereka melalui pemilihan pengkhidmat-pengkhidmat cemerlang yang dilakukan pada tiap-tiap tahun.

Pada masa ini, semua agensi Kerajaan telah pun melaksanakan gerakan Perkhidmatan Cemerlang itu di peringkat yang berbeza-beza. Kesannya sangatlah memuaskan dan gerakan itu adalah sejalan dengan usaha-usaha Kerajaan yang lain untuk menambah hasil dan mutu kerja dalam perkhidmatan awam di samping membuat lebih cekap dan berkesan.

MAHKAMAH RAYUAN TERAKHIR— PENUBUHAN

47. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk memberhentikan semua rayuan dari Mahkamah Persekutuan ke "Privy Council". Jika ya, adakah cadangan untuk menubuh suatu Mahkamah Rayuan Terakhir (court of last resort) dengan sama tarafnya di negeri kita.

Dr Goh Cheng Teik: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dikaji oleh pihak Kerajaan, dan setakat ini belum ada lagi apa-apa keputusan yang dibuat.

TEPUNG GANDUM—KEKURANGAN

48. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tepung gandum dan susu pekat di negara ini.

Dato' Lew Sip Hon: Bekalan tepung gandum dan susu pekat di negara adalah sentiasa setabil dan tidak ada laporan-laporan yang diterima atau dikemukakan mengenai kekurangan kedua-dua barang keperluan ini sama ada melalui aduan orang ramai, laporan akhbar-akhbar ataupun hasil pemeriksaan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, data-data pengeluaran dan penjualan tepung gandum dan susu pekat bagi Tahun 1980 dan 1981 adalah seperti berikut:

Tepung Gandum

<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran</i>	<i>Penjualan</i>
1980	307,046 m/tan	304,670 m/tan
1981	343,751 m/tan	330,921 m/tan

Susu Pekat:

<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran</i>	<i>Penjualan</i>
1980	6,659,979 kerton	6,564,167 kerton
1981	5,494,414 kerton	5,416,909 kerton

Daripada data-data di atas dapat disimpulkan bahawa negara kita tidak menghadapi apa-apa masalah bekalan kedua-dua barang keperluan yang disebutkan oleh kerana pengeluaran

adalah mencukupi untuk menampung semua keperluan.

Kementerian saya sentiasa mengawasi bekalan kedua-dua barang tersebut dan jika menjangka akan terdapat kekurangan bekalan di dalam negeri, pengimpotan akan digalakkan dan pengeksportan disekat.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kekurangan bekalan tidak akan berlaku pada bila-bila masa di seluruh negara, sebaliknya kekurangan mungkin akan berlaku di satu dua tempat kerana masalah pengangkutan terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman. Saya berharap orang ramai akan memberi kerjasama kepada Kementerian saya dengan melaporkan dengan serta-merta sekiranya mereka menghadapi kesulitan untuk membeli barang-barang itu.

KES-KES JENAYAH

49. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bilangan kes-kes jenayah dalam negeri ini bertambah selepas kedatangan immigren-immigren dari Indonesia khususnya di Selangor dan Johor. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu.

Dato Musa Hitam: Anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah kejadian jenayah di seluruh Malaysia telah menurun sebanyak 0.3% dalam tahun 1981 jika dibandingkan jumlah jenayah dalam tahun 1980. Dalam tahun 1980 sebanyak 70,507 kejadian jenayah telah dilaporkan dan dalam tahun 1981 sebanyak 70,262. Dari jumlah kejadian jenayah yang dilaporkan dalam tahun 1981 sebanyak 70,262, hanya 131 orang sahaja pendatang haram dari Indonesia didapati terlibat, termasuk 24 orang di Negeri Selangor dan 26 orang di Negeri Johor. Jumlah tangkapan itu adalah merupakan 1.2% sahaja dari keseluruhan jumlah kes jenayah di Malaysia dalam tahun 1981.

PELARIAN FILIPINA DI SABAH— SEKAT KEMAJUAN

50. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah

beliau mempunyai rancangan untuk merentikan kemasukan pelarian Filipino dan pendatang haram Indonesia ke Sabah dan sama ada beliau akan membuat penyiataan untuk menentukan jumlah bilangan pendatang haram Indonesia dan pelarian Filipino di Sabah dan di Malaysia dan sama ada tindakan yang sama akan diambil terhadap mereka sebagaimana yang dibuat kepada pelarian-pelarian Vietnam, jika tidak, kenapa.

Dato Musa Hitam: Rancangan untuk menyekat kemasukan pelarian orang-orang Filipina ke negeri Sabah tidak timbul sama sekali kerana ramai di antara mereka itu telah balik dengan sendirinya ke Filipina tetapi jumlah mereka tidaklah diketahui. Kerajaan percaya bahawa ada kemungkinan apabila keadaan di Wilayah-wilayah Selatan Filipina itu telah pulih seperti sediakala, ramai di antara mereka akan memilih untuk pulang ke Tanah Air mereka dan Kerajaan akan memberi segala kemudahan kepada mereka untuk berbuat demikian. Marilah kita berdoa agar satu penyelesaian yang memuaskan semua pihak di Filipina Selatan segera tercapai supaya masalah pelarian Filipina ini segera selesai. Suka juga saya tegaskan di sini bahawa adalah sukar bagi Kementerian untuk menyekat kemasukan pendatang haram Indonesia ke Malaysia kerana sempadan antara Malaysia dan Indonesia adalah begitu panjang yang meliputi tanah dataran dan lautan yang luas. Namun demikian, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang tegas bagi mengawal kemasukan mereka.

Kerajaan tidak mempunyai angka-angka pendatang haram dari Indonesia kerana kalau adapun mereka masuk ke negara ini secara haram. Walau bagaimanapun, jumlah orang-orang pelarian Filipina di negeri Sabah ialah seramai kira-kira 92,000 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan yang sama terhadap mereka sebagaimana yang dibuat kepada orang-orang pelarian Vietnam. Kerajaan berpendapat bahawa 'proportion'nya adalah tidak begitu mendesak seperti pendatang haram Vietnam yang memerlukan satu Pasukan Khas tetapi bagi mengendalikan orang-orang pelarian

Filipina dan pendatang haram Indonesia, jentera-jentera yang sedia seperti Jabatan Imigresen, Polis dan lain-lain adalah mencukupi.

CERDIK HOLDINGS BHD— LANGGARAN AKTA SYARIKAT

51. Tuan Lee Kaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam siasatan yang dijalankan ke dalam Syarikat Matang Holdings Bhd., Peak Hua Holdings Bhd., Panwa Development Bhd dan Cerdik Holdings Bhd yang telah melanggar Akta Syarikat 1965 dengan mempelawa orang ramai membeli saham-sahamnya tanpa mendaftarkan prospektusnya dengan Pejabat Pendaftar Syarikat.

Dato' Lew Sip Hon: Setelah dilaporkan bahawa ada syarikat-syarikat yang menjual saham-sahamnya tanpa prospektusnya, maka Pendaftar Syarikat telah membuat pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat yang disyaki melanggar undang-undang dan semua buku-buku atau daftar-daftar yang dikehendaki disimpan mengikut undang-undang (statutory records) diperiksa dengan teliti. Hasil dari pemeriksaan itu didapati tidak menunjukkan apa-apa bukti bahawa syarikat-syarikat itu ada melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965.

Namun demikian, sebuah syarikat yang bernama Cerdik Holdings Bhd didapati mempunyai ramai ahli-ahlinya. Mengikut daftar-daftar yang disimpan oleh syarikat itu ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa saham-sahamnya telah dibeli oleh orang ramai. Mereka yang tidak puashati atau ragu-ragu di atas saham-saham yang dibeli oleh mereka, telah membuat laporan kepada Polis dan pihak Polis sedang menjalankan penyiataan.

LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI

52. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dalam tempoh 8 bulan ini, berapakah lawatan ke luar negeri telah diadakan selaku PM Malaysia, sila nyatakan kemajuan telah dicapai dalam

lawatan tersebut, dan berapakah buah negeri akan dikunjunginya kelak.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Di dalam tempoh lapan bulan Y.A.B. Perdana Menteri telah berpeluang membuat lawatan rasmi ke negara-negara jiran kita iaitu Indonesia, Thailand dan Singapura. Baru-baru ini Perdana Menteri juga berkesempatan membuat lawatan rasmi ke negara-negara Teluk (Gulf States) di Asia Barat.

Lawatan ke Indonesia, Thailand dan Singapura.

Lawatan Perdana Menteri ke ketiga-tiga negara ini adalah bertujuan untuk berkenalan dengan lebih rapat dengan pemimpin negara-negara tersebut serta bertukar-tukar pendapat dan mengadakan perbincangan-perbincangan dalam usaha memperkukuhkan lagi hubungan dua hala yang memang telah erat di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Perbincangan tersebut telah menghasilkan faedah bersama yang memuaskan.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berbincang dengan pemimpin dari ketiga-tiga negara ini mengenai masalah-masalah serantau termasuk masalah Kampuchea. Dalam hal ini kita telah tercapai sepakat dalam usaha mewujudkan keadaan damai di rantau ini untuk membolehkan negara-negara di rantau ini menumpu perhatian kepada usaha-usaha pembangunan negara dan kerjasama yang erat dalam bidang sosial dan ekonomi.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah melakukan lawatan rasmi ke Negara-negara Teluk, iaitu Bahrain, Amiriah Arab Bersatu dan Oman dari 27hb Februari hingga 5hb Mac, 1982.

Lawatan ke negara-negara tersebut di atas adalah selaras dengan tekanan baru polisi luar kita yang memberi keutamaan kepada negara-negara ASEAN dan Islam. Tujuan utama lawatan itu ialah untuk memperbaharui hubungan dengan Negara-negara Teluk dan untuk mengadakan hubungan peribadi di peringkat pemimpin atasan dan seterusnya

meletakkan hubungan antara kita di dalam keadaan yang lebih teguh dan bermakna.

Sambutan mesra telah diberi kepada Y.A.B. Perdana Menteri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Negara-negara Teluk. Perbincangan secara luas telah diadakan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa dan juga isu-isu hubungan dua-hala. Ini termasuklah bidang agama, pelajaran, perdagangan dan pelaburan. Soal mempertingkatkan perpaduan dan kerjasama Islam juga mendapat perhatian berat semasa perbincangan itu.

Hasil-hasil positif lawatan tersebut dapat diringkaskan seperti berikut:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Bersama bertujuan meningkatkan kerjasama ekonomi, teknikal dan kebudayaan untuk mengimplementasikan Perjanjian Ekonomi, Teknikal dan Kebudayaan dengan negara-negara tersebut. Perjanjian-perjanjian ini telah ditandatangani oleh Allahyarham Tun Razak dalam tahun 1975. Jawatankuasa ini akan bersidang tiap-tiap tahun;
- (ii) Kedua-dua pihak bersetuju bertukar-tukar guru-guru dan belia dan bersetuju mengadakan peraturan yang perlu di mana kemudahan-kemudahan latihan dan pelajaran di bidang-bidang kepentingan bersama disediakan untuk rakyat negara berkenaan. Dalam hubungan ini Malaysia telah menawarkan kepada Oman tempat-tempat di Universiti Teknologi Malaysia, Sekolah Latihan Polis, Kolej Pegawai Tentera dan lain-lain;
- (iii) Perbincangan mendalam telah diadakan dengan Dewan Perniagaan dan komuniti perniagaan di negara-negara itu tentang peluang-peluang perdagangan dan pelaburan, termasuk pelaburan di sektor pembuatan dan barangan pengguna (manufacturing and consumer sectors). Berikutan dengan itu satu rombongan perdagangan dari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dubai

telah melawat Malaysia selama 5 hari mulai 13hb Mac yang lalu;

- (iv) Kesemua Ketua-ketua Negara berkenaan menyokong sepenuhnya cadangan kita untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia; dan
- (v) Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan perbincangan di antara satu sama lain di forum-forum antarabangsa mengenai isu-isu kepentingan bersama seperti Kampuchea, Afghanistan, Palestine dan lain-lain.

Lawatan ke Jeddah dari 5hb hingga 6hb Mac, 1982 ialah untuk menghadiri Sidang Ketiga Jawatankuasa Damai OIC Mengenai Konflik Iran-Iraq. Persidangan Ketua Negara/Kerajaan Islam yang hadir bersama di Sidang itu (Guinea, Pakistan, Bangladesh, Turki, Gambia, Senegal, PPO dan Setiausaha Agong OIC) bertujuan mencari jalan agar sengketa itu diselesaikan dengan saksama. Missi Damai ke Baghdad dan Taheran di terima dengan baiknya dan perkembangan yang positif ini sangatlah menggalakkan.

Mengenai cadangan lawatan Perdana Menteri yang akan datang ke beberapa negara sahabat, saya ingin menerangkan di sini bahawa cadangan-cadangan ini sedang diproses oleh Wisma Putra. Pengumuman akan dibuat apabila tarikh-tarikhnya dipersetujui kelak.

USUL-USUL

MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA DI ATAS KEMBALINYA KERAHMATULLAH ALLAHYARHAM TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGANYA

3.38 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat dukacita dan sedih memohon

mengemukakan di Dewan yang mulia ini suatu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail telah meninggal dunia pada petang semalam setelah diserang penyakit jantung sewaktu beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan ini.

Allahyarham ialah seorang anak watan yang telah banyak memberi sumbangan dalam usaha memperjuangkan kestabilan politik, kesucian Agama Islam, kedaulatan Bahasa Kebangsaan dan bergiat dengan aktif di bidang politik. Kembalinya ke Rakmatullah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara.

Allahyarham Tan Sri Syed Nasir telah dilahirkan pada 7hb Mac, 1921 di Batu Pahat, Johor. Semenjak dari remaja lagi beliau telah memperlihatkan kesungguhannya dalam setiap tugas dan kerjanya. Setelah bersara dari perkhidmatan Kerajaan pada tahun 1968, setelah berkhidmat selama lebih kurang 27 tahun, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1969. Beliau telah juga dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara sebelum dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada tahun 1974. Pada tahun 1978 beliau telah dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ketokohan Allahyarham Tan Sri Syed Nasir di bidang politik adalah suatu yang sangat dibanggakan. Beliau telah turut menyumbangkan tenaganya untuk negara mencapai kemerdekaan. Beliau adalah Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan yang paling lama berkhidmat dalam Majlis itu. Beliau telah dipilih menjadi Ahli Parlimen dalam tahun 1969 di mana beliau telah memenangnya tanpa bertanding. Beliau seterusnya dipilih lagi menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1974.

Di bidang pendidikan Allahyarham begitu bersungguh-sungguh berusaha meninggikan taraf pelajaran, khasnya bidang pengajian tinggi. Beliau pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Universiti Kebangsaan Malaysia dan kemudian di lantik menjadi Pro-Canselor Universiti itu. Beliau telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kedaulatan bahasa Kebangsaan termasuklah usaha menyamakan ejaan Bahasa Malaysia dengan Indonesia.

Sumbangan yang tidak kurang penting ialah di bidang meningkatkan syiar Islam. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. Khidmat beliau untuk menjayakan Musabaqah tiap-tiap tahun adalah suatu yang sangat dihargakan. Beliau telah bekerja bersungguh-sungguh untuk menjayakan Musabaqah ini hinggalah negara kita menjadi begitu terkenal di kalangan negara-negara Islam sedunia. Sumbangannya kepada agama dan negara tidaklah sedikit. Jasa baktinya akan tercatat dalam sejarah untuk menjadi contoh tauladan dan pendorong kepada generasi-generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa beliau memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini Allahyarham Tan Sri Syed Nasir telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh cekap, tegas dan adil. Dengan khidmat yang cemerlang itu Allahyarham telah meningkatkan lagi taraf prestasi urusan Dewan ini.

Sebagai mengenangkan jasa-jasa beliau yang terpuji kepada negara dan agama Islam, Allahyarham telah dianugerahkan dengan berbagai-bagai bintang dan darjah kebesaran oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini termasuklah darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara yang telah di anugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pemergian Allahyarham amat dirasai oleh sebilangan besar rakyat, khususnya mereka yang pernah berjuang bersama-samanya

dalam bidang politik, bidang pendidikan dan dalam bidang meninggikan syiar Islam. Bidang politik kehilangan seorang pemimpin yang dihormati, bidang pendidikan kehilangan seorang pejuang yang cekal dan berani, manakala masyarakat Islam kehilangan seorang tokoh yang tidak jemu-jemu menyumbangkan tenaga dan pemikiran untuk meninggikan syiar Islam. Negara kehilangan seorang putera yang berbakti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya dan semua Ahli-ahli Dewan Rakyat ini amat sedih dan terharu di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail dan bagi pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini, saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Semoga Allah Subhanahuwataala mencucuri Rahmat ke atas rohnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.45 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini bagi menyampaikan ucapan rasa dukacita dan takziah kita kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir Ismail.

Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir Ismail mempunyai peranan yang sangat mulia dan agung di dalam khidmatnya kepada negara. Sumbangannya akan tetap dikenang oleh seluruh rakyat Malaysia. Dewan yang mulia ini akan kehilangan pimpinannya.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Allahyarham telah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan beliau sentiasa sahaja dihormati oleh semua Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua pihak. Allahyarham sentiasa cekap dan pantas dalam menghadapi saat-saat genting di waktu-waktu perbahasan terutama pada isu-isu sangat penting terhadap negara.

Kita semua maklum beliau mempunyai disiplin yang tegas di dalam tata kelakuan dan hal-hal di dalam Dewan. Di dalam saat-saat

yang penting di dalam Dewan, Allahyarham mempunyai kemampuan dengan caranya yang tersendiri untuk menenangkan keadaan Dewan dan meneruskan perbahasan dengan cekap dan licin.

Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir Ismail mempunyai pengetahuan yang luas di bidang tatacara Parlimen dan menumpukan sepenuh-penuh perhatian terhadap tugas dan tanggungjawabnya. Di atas jasa dan kebijaksanaan menguruskan hal ehwal Dewan patut dicontohi dan diberikan kemuliaan terhadap jawatan Yang di-Pertua.

Dewan ini akan kehilangan pimpinan dan sikap jenaknya dalam keadaan-keadaan yang genting. Di sepanjang masa pimpinannya Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail telah menunjukkan sikapnya yang tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa berkhidmat untuk negara.

Di samping menjadi Yang di-Pertua Dewan, beliau telah berkhidmat sebagai pemilih Ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin agama. Allahyarham juga telah membantu menaikkan nama Malaysia sebagai Presiden Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO). Malaysia telah kehilangan seorang anak watan yang mulia. Dengan ikhlasnya, saya ingin mengatakan bahawa saya telah kehilangan seorang sahabat dan jiran yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan rasa simpati dan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail daripada MCA.

3.49 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan perasaan saya yang sedih dan terharu di atas pemergian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Saya bagi pihak parti saya iaitu Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan diri saya sendiri serta keluarga, saya ingin menyampaikan

ucapan takziah kepada Puan Sri Sharifah Aishah dan keluarganya di atas kehilangan seorang yang dikasihi.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara Malaysia telah mengalami satu kehilangan yang tidak dapat diganti dengan mudah. Allahyarham Tan Sri Syed Nasir ialah seorang pemimpin negara yang terkemuka malah salah seorang Yang di-Pertua Dewan yang termasyhur di rantau ini khasnya di seluruh negara-negara Komonwel dan dunia amnya. Allahyarham juga telah memberi kepimpinan yang berkualiti sebagai Presiden kepada Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO).

Bagi diri saya peristiwa ini merupakan kehilangan bukan sahaja seorang rakan seperjuangan tetapi juga seorang sahabat yang karib. Saya telah bersama-sama Allahyarham Tan Sri Syed Nasir di Dewan yang mulia ini sejak tahun 1970. Allahyarham Tan Sri Syed Nasir adalah seorang yang mempunyai himah dan budi pekerti yang tinggi serta kebolehan beliau memimpin Dewan ini adalah diketahui umum kerana beliau fasih dengan peraturan-peraturan dan mahir dalam mengendalikan perjalanannya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan. Khidmat dan jasa beliau kepada negara merangkumi berbagai aspek.

Saya sungguh-sungguh kagum di atas dedikasi dan khidmat Allahyarham khasnya dalam mengendalikan usaha-usaha kebajikan seperti hal-hal keagamaan yang memberi faedah yang besar terhadap khasnya golongan masyarakat bumiputera dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam serta kebangkitan dan kemajuan ekonomi masyarakat bumiputera.

Allahyarham juga adalah pelopor Bahasa Kebangsaan dan dengan usaha beliau yang gigih telah berjaya meletakkan asas-asas bagi melaksanakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara ini. Jasa dan khidmat Allahyarham akan tetap kekal dalam ingatan semua pihak yang mendampingi beliau kerana sifat humanisma dan tolak ansur serta tegas dan kena pada tempatnya. Kebolehan beliau bergurau senda dengan Ahli-ahli Dewan

walaupun dalam keadaan genting menunjukkan kalibernya yang tinggi.

Beliau sering kali memberikan pandangan-pandangan dan panduan-panduan kepada semua Ahli-ahli Dewan serta menentukan yang perjalanan Dewan yang mulia ini berjalan dengan baik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka mengucapkan simpati saya kepada rakan-rakan saya di dalam UMNO di atas kehilangan seorang pemimpin yang berkaliber yang telah berkhidmat dengan cemerlang untuk rakyat dan negara. Sekian.

3.52 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul takziah di atas kematian Allahyarham Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Dr Mahathir dalam Dewan pada petang ini.

Dengan rasa dukacitanya saya bagi pihak diri saya dan Partai Berjasa merakamkan ucapan takziah dan rasa sedih di atas kematian Allahyarham Tan Sri Syed Nasir, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada petang semalam.

Sebagaimana yang dikenali oleh seluruh rakyat dari berbagai lapisan di negara ini, Allahyarham ialah seorang yang berkebolehan di dalam banyak bidang dan jasanya tidak dapat dinafikan sebagai seorang negarawan yang berjasa kepada negara dan Islam. Dalam politik, Allahyarham ialah seorang pejuang kemerdekaan tanahair dan terkenal sebagai seorang jaguh yang mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Hingga di saat-saat akhir hayat beliau, Allahyarham merupakan seorang Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang dihormati oleh kalangan parti itu di semua peringkat. Sebagai Yang di-Pertua Dewan, Allahyarham merupakan seorang yang bersikap tegas, cergas dan serius di dalam mengendalikan Dewan yang mulia ini.

Kehilangan beliau adalah benar-benar dirasai sedih oleh semua Ahli-ahli Dewan ini amnya dan rakyat seluruhnya.

Akhirnya saya berdoa kepada Allah Subhanahu wa-ta'ala semoga seluruh keluarganya bersabar dan tabah menghadapi suasana kesedihan ini. Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya. Amin. Saya mohon menyokong.

3.54 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi penghormatan kepada Allahyarham Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail. Pemergian Allahyarham yang mengejut adalah satu kehilangan yang besar bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya dengan ini menyampaikan ucapan takziah kepada Puan Sri dan keluarga Allahyarham. Allahyarham Tan Sri telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh dedikasi untuk kepentingan negara.

Sebagai Speaker Dewan Rakyat, Allahyarham Tan Sri telah mempengerusikan sidang-sidang Dewan Rakyat dengan sikap tegas tetapi adil. Kematian Allahyarham adalah satu kehilangan besar untuk Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

3.56 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Iroke): Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong dengan perasaan yang sedih usul yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas pemergian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada petang semalam dan juga menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Allahyarham Tan Sri adalah seorang watan yang telah menyumbangkan perkhidmatan yang tinggi kepada negara dalam beberapa jawatan baik dalam bidang politik ataupun bidang perkhidmatan awam untuk memberi erti kepada kemerdekaan negara ini.

Allahyarham Tan Sri Dato' Syed Nasir di waktu beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menjalankan tugas dan tanggung-jawabnya dengan ikhlas, dengan cekap, tegas dan juga adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

3.58 *ptg.*

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri dan adalah saya bagi pihak kami dan juga parti MIC dengan hati yang hiba dan sedih menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail atas kehilangan Yang Berhormat Tan Sri yang sukar dicari ganti. Kehilangan Allahyarham adalah merupakan satu kehilangan besar bukan sahaja kepada keluarganya dan Parlimen tetapi juga kepada negara. Allahyarham adalah merupakan anak bangsa yang gigih dalam perjuangan politik menegakkan kesucian ugama dan mendaulatkan bahasa.

Dalam bidang politik Allahyarham merupakan seorang tokoh yang amat disegani dan dihormati oleh seluruh ahli-ahli politik. Sebagai seorang tokoh veteran yang berpengalaman, Allahyarham juga banyak menaburkan jasa dalam meninggikan taraf dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan terutama semasa menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Semasa hayatnya Allahyarham adalah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah Al-Quran dan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah, begitu mengambil berat dalam perkembangan ugama di tanah air khususnya dan dunia amnya. Dari menjadi Nazir Sekolah hinggalah kepada menjadi Pro-Cancellor Universiti Kebangsaan Malaysia, Allahyarham memperlihatkan kegigihan yang tidak pernah mengenal penat dan lelah di dalam

perjuangan memaju dan meninggikan taraf pendidikan tanahair.

Saya berdoa mudah-mudahan roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh yang Maha Kuasa dan ditempatkan bersama-sama dengan orang-orang Islam yang beriman.

4.01 *ptg.*

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Ucapan Takziah atas kembali ke Rahmatullah Allahyarham Tan Seri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan amat sedihnya mengucapkan takziah di atas pemergian Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua, Dewan Rakyat.

Kepimpinan beliau dalam mengendalikan dalam urusan Dewan yang mulia ini secara tegas, adil dan cekap amatlah mengagumkan dan amat dihargai. Kita sama-sama khasnya bagi pihak saya sendiri telah banyak mempelajari perkara-perkara penting mengenai urusan Dewan dari Allahyarham.

Pemergian Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir Ismail dalam waktu menjalankan tugasnya terhadap negara adalah amat memeranjatkan. Pemergian Allahyarham juga merupakan satu kehilangan yang sukar dicari ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Presiden parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak dan seluruh ahli Majlis Kerja Tertinggi serta ahli-ahli PBB dan rakyat negeri Sarawak merakamkan ucapan takziah dan rasa sedih yang amat sangat di atas kehilangan seorang tokoh politik seperti Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir Ismail. Kepada Sarawak jasa Allahyarham akan tetap dikenang dan kami mendoakan agar ahli keluarga Allahyarham berada dalam ketenangan dan kesabaran dalam menghadapi cubaan Tuhan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir telah banyak berkhidmat dalam bidang pelajaran dan Bahasa

Kebangsaan. Selaku Menteri Pelajaran saya mohon kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan atas khidmat cemerlang beliau dalam lapangan ini. Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail adalah tokoh yang kedua mengisi kerusi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Berkat kerjasama semua kakitangan yang dikepalai oleh Allahyarham, halangan demi halangan telah berjaya diatasi. Semangat mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan kian kukuh dan mantap apabila usaha Allahyarham mendapat bangunan baru seperti yang ada pada hari ini terlaksana. Allahyarham berjaya memimpin seluruh tenaga Dewan Bahasa dan Pustaka dan berjaya megerakkan seluruh masyarakat selama lebih kurang 10 tahun untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Selama 10 tahun beliau sentiasa diserang dan menyerang sehingga pada satu ketika beliau pernah dikenali sebagai Panglima Bahasa oleh seluruh rakyat Malaysia.

Mengenang kembali saat-saat suka dan duka selama lebih 10 tahun adalah wajar diperkatakan tanpa Allahyarham Tan Sri Syed Nasir belum pasti Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bahasa Melayu mencapai kedudukan seperti kita saksikan pada hari ini. Allahyarham telah meletakkan sesuatu asas yang padu dan kukuh kepada kedudukan bahasa dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Allahyarham Tan Sri Syed Nasir pada 15-8-1968 telah mengambil inisiatif menganjurkan satu pertemuan mengenai nasib masa depan pelajar-pelajar Melayu bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pertemuan yang penuh bersejarah itu telah membahaskan soal-soal mengenai penubuhan Universiti Kebangsaan secara teliti dan akhirnya bersetuju membentuk sebuah Jawatankuasa bagi urusan penubuhan Universiti Kebangsaan. Allahyarham seperti yang diiktiraf sebagai Panglima Bahasa telah dipilih dan diamanahkan untuk mengetuai pergerakan perjuangan menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25-8-1968. Bermula dari saat inilah beliau terus memberikan sumbangan di dalam menubuhkan UKM di mana beliau telah dilantik sebagai salah seorang ahli Lembaga

Pengurus di samping tugasnya yang lain sebagai Pengerusi Badan Petugas Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1972. Apabila Majlis Universiti ditubuhkan pada tahun 1974, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir juga telah dipilih menganggotai Majlis tersebut sehingga tahun 1978 apabila beliau dilantik pula sebagai Pro-Cancellor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesungguhnya di dalam masa yang singkat sahaja Bahasa Malaysia telah dapat menggantikan bahasa Inggeris di dalam hampir semua matapelajaran termasuk pelajaran tinggi seperti sekarang ini. Bermula dengan kegigihan dan dorongan pejuang-pejuang bahasa di masa itu yang dipimpin oleh Allahyarham sendiri Dewan Bahasa dan Pustaka telah melaksanakan tugas-tugas yang aktif dan dinamik telah memainkan peranan yang positif bukan sahaja mencipta istilah-istilah mengeluarkan bahan-bahan bacaan dan rujukan dengan pesatnya, tetapi juga menyedarkan masyarakat umum tentang penggunaannya. Hasil dari kegigihan dan dedikasi inilah pada masa ini kedaulatan Bahasa Malaysia di negara ini tidak dapat dipertikaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya negara kita telah kehilangan seorang tokoh bahasa yang tidak mudah dicarigati. Selepas berjuang bersama-sama dengan rakan-rakan dan ahli-ahli bahasa dalam memperkayakan Bahasa Kebangsaan dan menentukan Bahasa Kebangsaan dapat digunakan di peringkat menengah Allahyarham telah melangkah setapak ke hadapan ke arah kemercuan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam lapangan pelajaran yang lebih tinggi.

Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Kebangsaan dan pencinta pendidikan seluruh tanahair telah kehilangan seorang rakan dan penyokong yang dinamis terhadap usaha-usaha kami. Jasa-jasa Allahyarham di dalam bidang ini akan tercatat dengan bangga dan megahnya di dalam sejarah perjuangan bangsa. Saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat turut berserta menyampaikan takziah kepada keluarga Allahyarham di atas pemergian yang

menyedihkan ini semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan tergolong dalam golongan orang-orang yang saleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

4.07 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, berikut saya bacakan ucapan Yang Amat Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh selaku Presiden Parti Berjaya, merangkap Ketua Menteri Sabah:

“Saya bangun menyertai lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seterusnya merakamkan rasa penghormatan kepada Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail.

Sebagai Presiden Parti Berjaya dan Ketua Menteri Sabah dan bagi pihak semua rakyat Sabah seluruhnya, saya ingin mengatakan bahawa kami bukan sahaja kehilangan seorang tokoh Parlimen yang unggul tetapi juga telah kehilangan seorang nasionalis. Allahyarham juga adalah dikenali sebagai salah seorang pengasas negara kita. Tidak ada kata-kata yang dapat dilafaskan oleh rakyat Malaysia di Sabah untuk melahirkan dan menyatakan betapa sedihnya kami atas pemergian Allahyarham Tan Sri Syed Nasir. Allahyarham merupakan seorang rakan yang telah banyak memberi inspirasi dan memelihara hak dan kebebasan demokrasi berparlimen. Allahyarham ialah seorang yang luar biasa di mana beliau merupakan tokoh yang sentiasa bersikap adil dan saksama.

Rekod-rekod perkhidmatan yang tidak mengenal penat lelah kepada rakyat dan negara ini dalam memberi sumbangan terhadap pembetulan identiti negara Malaysia akan kekal dikenang dan termenteri dalam sejarah kemerdekaan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang suka berterus-terang, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir tidak ragu-ragu untuk

mengatakan apa sahaja yang beliau rasakan betul dan benar. Namun begitu, beliau tetap dengan sikap jenaka dan kelakarnya, sikap yang demikian telah menawan hati rakyat dari semua lapisan, kehadirannya akan menyenangkan sesiapa sahaja.

Dalam Parlimen, Allahyarham sentiasa dihormati oleh kawan dan lawan. Allahyarham adalah seorang tokoh yang terlalu cintakan demokrasi dan sentiasa mempertahankannya. Oleh sebab itulah beliau sentiasa hati-hati terhadap kalangan yang cuba menyalahgunakan proses demokrasi untuk menghancurkan demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir terutama sekali dalam memperjuangkan Bahasa Kebangsaan dan ugama Islam ternyata sekali dikenang dan dihargai oleh semua kalangan rakyat Malaysia. Ini jelas dari penghormatan yang diterimanya dari setiap pelusuk tanahair dan lain-lain negara termasuk negar-negara Islam yang memberikan sanjungan tinggi kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kami di Sabah berpulangnya kerahmatullah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail merupakan satu kehilangan seorang yang selama ini dijadikan tempat panduan dalam hal-hal mengenai ugama. Allahyarham sesungguhnya merupakan sumber inspirasi dan tenaga penggerak dan penggalak bagi kegiatan Dakwah Islamiah yang masih muda di negeri Sabah. Penghormatan paling agung yang boleh kita berikan kepada Allahyarham ialah tidak lain berikrar bahawa kita semua akan berusaha untuk terus maju dengan memegang serta meneruskan prinsip-prinsip mulianya dalam mengekalkan hasrat demokrasi rakyat menerusi sistem demokrasi berparlimen kita.

Bagi pihak parti dan Kerajaan BERJAYA di negeri Sabah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah yang tulus ikhlas kepada balu Allahyarham Tan Sri Syed

Nasir iaitu Puan Sri Aishah dan semua anggota keluarganya.”

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

4.13 ptg.

Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Takziah yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail merupakan seorang tokoh yang banyak menaburkan jasa bakti kepada bangsa dan negara. Allahyarham merupakan seorang tokoh yang telah lama berkhidmat kepada Kerajaan dan selalu mendapat sanjungan di atas segala sikapnya yang tegas, cergas, serius dan adil sehingga dihormati oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat mengawal setiap sidang Dewan dengan cukup memuaskan. Meninggalnya Allahyarham merupakan satu kehilangan yang sukar diganti di samping dikenali sebagai tokoh yang senantiasa mengambil berat atas tugasnya dalam memperkembangkan syiar agama Islam dan Bahasa Kebangsaan.

Semalam beliau berada di atas kerusinya dan dalam saat-saat terakhir itu beliau terus menjalankan tugas kepada Dewan ini dan kepada negara. Hari ini beliau telah bersemadi sebagai seorang patriot negara. Saya sungguh berasa amat sedih di atas pulangnya kerahmatullah Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail dan mendoakan semoga rohnyanya dimasukkan dalam kumpulan orang-orang yang saleh.

Saya bagi pihak Presiden dan Ahli-ahli USNO ingin menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dato Syed Nasir bin Ismail.

4.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, dengan sedihnya saya berdiri untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bagi pihak rakan-rakan saya dalam Dewan ini

dan parti saya, DAP, saya merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas pemergian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Saya masih ingat lagi semasa saya dan Allahyarham masuk ke Dewan ini dalam tahun 1970 iaitu selepas pilihanraya besar tahun 1969, sungguhpun masa itu Allahyarham merupakan seorang veteran politik dan kita pernah juga dalam Dewan ini bertengkar atas beberapa masalah tetapi Allahyarham selalu dan sentiasa ada satu sikap yang terbuka kepada cadangan-cadangan yang inilah satu sifat yang saya rasa menjayakan Allahyarham menjalankan tugasnya sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini di mana beliau juga ada mencatatkan precedent dalam amalan-amalan Parlimen dan di mana sungguhpun Allahyarham seorang pemimpin UMNO semasa dekad lima puluhan sebagai Yang di-Pertua, Allahyarham pun sedar betapa pentingnya untuk menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini, bahawa Parlimen bukanlah satu cawangan parti pemerintah dan atas kepentingan memperkembangkan tradisi-tradisi Parlimen, adalah sangat mustahak untuk menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini.

Bagi pihak kita di sini, kita dapati bahawa Allahyarham adalah dengan sedaya upaya sangat adil dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Yang di-Pertua dan pemergian Allahyarham ialah satu kehilangan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada negara kita.

Dengan tulus ikhlas parti saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

4.19 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan ini. Marilah kita sama-sama

menyebut: Dari Allah kita datang dan kepada Allah juga kita kembali. Innalillahi-wa'innailaihi-raji'un.

Saya bagi pihak parti saya, PAS, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada PAS dan seluruh ahli-ahli PAS di negara ini dengan perasaan yang amat terharu dan sedih menyampaikan ucapan takziah kepada balu dan anak-anak Allahyarham dengan harapan semoga mereka akan diperbanyakkan sabar di atas ketentuan Allah itu, sambil mendoakan semoga Allah akan mencucuri rahmatNya ke atas Allahyarham.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, kelmarin bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat Malaysia kehilangan seorang pemimpin tetapi Ahli-ahli Parlimen ASEAN pun kehilangan seorang pemimpin agong kerana semasa Allahyarham kembali ke Rahmatullah Allahyarham memegang jawatan sebagai Presiden ASEAN Inter-Parliamentary Organisation untuk tahun 1981/1982

Sebagai seorang peserta AIPO sejak ditubuhkan pada asalnya izinkan saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila riwayat hidup Allahyarham dituliskan tentulah jelas bahawa Allahyarham merupakan bukan sahaja seorang tokoh nasionalis tetapi juga seorang tokoh regionalis dan internasionalis. Ini jelas dalam kegiatan AIPO yang disertai oleh Allahyarham. Beliau berusaha melalui AIPO untuk menyatupadukan Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN kerana Allahyarham percaya apabila legislator-legislator ASEAN atau pembuat-pembuat Undang-undang ASEAN disatupadukan, mereka akan menyokong keamanan, kestabilan dan kemajuan negara-negara ASEAN.

Allahyarham pernah menyuarakan harapannya bahawa satu hari nanti ASEAN akan mendapati satu Parlimen ASEAN seperti Parlimen yang diadakan di Eropah oleh negara-negara EEC. Baru-baru ini Mesyuarat Agong AIPO diadakan di Kuala Lumpur dan peserta-peserta AIPO dari negara-negara yang lain sangat memuji ke atas

pimpinan Allahyarham dan kejayaan-kejayaan besar yang dicapai dalam Mesyuarat Agong itu.

Saya percaya saya menyuarakan perasaan Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN termasuklah Ahli-ahli Parlimen di Indonesia, Singapura, Thailand dan Philipines apabila saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalikan ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, pada 16hb Mac, 1982 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

AKTA KASTAM, 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1981.
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1981
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1981
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1981
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1981.
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1981.
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1981.
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1981.
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1981.

- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1981
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1981

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mahon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan pada oleh Seksyen Kecil (2) Seksyen II, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1981;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1981;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1981;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1981;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1981;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1981;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1981;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1981;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1981;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1981;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1981;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 13 hingga 23 Tahun 1982 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1981 bertujuan untuk menghapuskan duti import dan cukai tokok ke atas 'photographic plates and film' yang diperjeniskan di bawah kod tarif 37.01 900 dan film in rolls yang diperjeniskan di bawah kod tarif 37.02 900. Kedua-dua bahan tersebut pada masa lalu tertakluk kepada 40% duti impot dan 5% cukai tokok. Penghapusan duti ini merupakan lanjutan dari langkah menghapuskan duti ke

atas kamera sebagaimana yang diumumkan di dalam Belanjawan 1982 yang lalu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan (No 32) 1981 bertujuan untuk menarik balik keputusan mengenakan duti import sebanyak 60% ke atas semua barang-barang bercukai melainkan kenderaan bermotor dan rokok yang dibawa masuk oleh penumpang-penumpang yang memasuki negara ini. Pada masa ini barang-barang tersebut tertakluk kepada duti import mengikut kadar yang dinyatakan di ruang 4 dan 5 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 1978.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1981 adalah bersetujuan memperjeniskan semula nombor kepala tarif 'aluminium foil' dengan mengujudkan nombor kepala tarif baru iaitu 76.04 100 bagi "unlaminated aluminium foil" tanpa mengenakan duti import sebab ianya tidak dikeluarkan di negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1981 ialah bertujuan untuk menghapuskan duti eksport 5% ke atas 'bright polished shafting bars'. Buat masa ini tidak terdapat kekurangan bekalan bahan berkenaan di pasaran tempatan dan langkah di atas merupakan satu galakan pengeksportan barangan negara ini. Lagi pula 'shafting bars' biasanya tidak diguna dalam sektor pembinaan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1981 ialah bertujuan untuk mengenakan duti import 25% atau 86 sen semeter persegi, yang mana lebih tinggi, ke atas 'adhesive paper, backed with paper'. Ini merupakan satu langkah untuk melindungi pengeluaran-pengeluar 'adhesive paper' tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1981 bertujuan untuk membetulkan kesilapan percetakan. Kadar duti import bagi "electric toasters" nombor kepala 85.12 590 dipinda daripada 25% kepada 45%.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1981 ini bertujuan untuk:

- (i) Membetulkan kadar duti asal 5% yang tersalah cetak sebagai 'Nil' di dalam Perintah Duti Kastam

(Pindaan) (No. 30) 1981 yang dikeluarkan semasa Belanjawan 1982 yang lalu. Nombor-nombor kepala yang terlibat adalah seperti berikut:

33.06 402, 33.06 403, 33.06 404,
33.06 405
34.01 100, 34.01 110, 34.01 120,
34.01 130
34.01 140, 34.01 150, 34.01 200,
34.01 900
34.02 709, 34.02 799, 34.05 310 dan
34.05 320

bagi nombor-nombor kepala tersebut duti importnya telah dikurangkan dari 5% kepada 3% bukan dari 'nil' kepada 3% sebagaimana terdapat di dalam Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1981.

- (ii) Mengasingkan tarif 39.02 421 dengan lain-lain kepala tarif di bawah 39.02 supaya duti import sebanyak 30% ke atas kepala 39.02 421 sebagaimana yang dicadangkan di dalam Belanjawan 1982 dapat dilaksanakan, dan
- (iii) Membetulkan kesilapan percetakan bagi nombor kepala 39.02 211 di mana nombor kepala yang sebenarnya ialah 39.02 221 dan nombor kepala 84.18 240 yang mana nombor kepala sebenarnya ialah 84.18 241.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1981 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import \$9.84 se tan ke atas "wood charcoal (including shell and nut charcoal) agglomerated or not" kerana keluaran tempatan tidak dapat menampung keperluan dalam negeri. Langkah tersebut diambil bagi membantu industri tempatan yang menggunakan bahan berkenaan sebagai sumber tenaga.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1981 adalah bertujuan untuk mengasingkan pengenaan duti import 20 sen sekilogram ke atas "glyoxal monourein resin" dengan "other aminoplasts in primary form". Oleh kerana duti impot 20 sen sekg. ke atas "glyoxal monourein resin" adalah untuk melindungi pengeluaran tempatan sementara "other

aminoplasts in primary form" tidak diberi perlindungan oleh kerana tidak dikeluarkan di negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1981 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import 30% ke atas "silicon paper" kepada 20%. Tindakan ini diambil untuk menyamakan kadar duti import sebanyak 20% ke atas keluaran siap dengan bahan-bahan mentah yang tidak ada dikeluarkan di negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) bertujuan untuk menghapuskan duti import sebanyak 25% *ad valorem* yang dikenakan ke atas 'Krehalon tube casing' yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif 39.04 100 dan 39.04 900. Duti Import ini adalah bertujuan memberi perlindungan hanya kepada industri membuat 'sausage' sahaja. Walau bagaimanapun, 'krehalon tube casing' ini adalah bahan mentah untuk membuat 'sausage' dan ia tidak dikeluarkan di negeri ini. Dari itu pengecualian ini akan menurunkan kos pengeluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon, mencadangkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.38 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dicadangkan untuk menghapuskan beberapa Perintah Duti Kastam seperti No. 31, 34, 38 dan 41 dan ini tentunya akan ditarik balik ialah Perintah Duti Kastam No. 32.

Saya sebenarnya tidak mempersoalkan kebijaksanaan Kementerian Kewangan untuk memperkenalkan atau membatalkan beberapa Perintah Duti Kastam sebagai takrif perlindungan yang selama ini dinikmati oleh beberapa golongan industri yang bertaraf

perintis (pioneer status). Sungguhpun taraf perlindungan yang dianugerahkan oleh Kerajaan adalah untuk memberi satu perlindungan cukai kepada perindustrian supaya ianya dapat bersaing dan setanding dengan barang-barang yang diimport dari luar negeri. Dan dasar perlindungan ini adalah memang sewajarnya diberikan kepada industri-industri yang mempunyai pioneer status yang selalu menghadapi persaingan daripada barang-barang yang diimport dari luar negeri. Tetapi saya dapati bahawa mungkin Kementerian Kewangan ada kecuai-an atas beberapa perkara yang dianggapkan penyelewengan bila tarif perlindungan diberikan kepada beberapa items barang-barang yang diimport. Umpamanya, menurut laporan daripada Consumers Association Pulau Pinang ataupun negeri Melaka atau lain-lain negeri adakah Kementerian Kewangan, khasnya Timbalan Menteri Kewangan mengambil berat atas tuduhan-tuduhan dan aduan-aduan yang selama ini dikemukakan tentang kualiti barang-barang yang diperbuat, yang diperkilangkan oleh kilang-kilang yang menikmati faedah duti perlindungan atau pengecualian cukai (pioneer status) kepada kilang-kilang yang saya sebutkan tadi.

Umpamanya barang-barang yang digunakan oleh pengguna-pengguna Malaysia setiap hari baik makanan, pakaian termasuk local car assembly. Umpamanya perkara ini perlu diambil berat dan Kerajaan juga perlu bertindak tegas untuk menasihatkan atau memberi amaran kepada golongan industri yang sudah menikmati segala galakan insentif percukaian termasuk tarif perlindungan yang diberikan, jangan hanya abuse faedah-faedah dan insentif yang sudah diberikan oleh Kerajaan, kemudian untuk mengorbankan kepentingan pengguna-pengguna Malaysia pada keseluruhan, nampaknya perkara ini tidaklah adil. Sebab itu beberapa kali di Dewan yang mulia ini, saya adalah mengesyorkan supaya Kementerian Kewangan boleh menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula (review) apakah kedudukan yang sebenarnya atau apakah kemajuan yang sebenarnya sudah dicapai dari segi insentif percukaian yang kita sudah berikan. Adakah industri-industri yang sudah menikmati insentif cukai ini telah juga

memberi keuntungan baik dari segi kualiti atau dari segi harga barang yang dijualkan untuk menolong Kerajaan memerangi inflasi. Kerana salah satu sebab Kerajaan memberikan perlindungan kepada pioneer status industri ini ialah untuk memerangi inflasi. Dan selain daripada melindungi industri ini boleh survive bila barang-barang yang dieksport supaya harganya, kualitasnya boleh setaraf dan setanding dengan barang-barang yang ada dipasarkan di pasaran antarabangsa. Tetapi saya dapati laporan daripada Consumer Association dari Pulau Pinang dan Melaka, saya sungguh merasa terperanjat adakah pihak Kementerian Kewangan ada mengambil kira bila sesuatu permohonan tarif perlindungan diluluskan kes-kes yang tertentu ini perlu dikaji semula.

Saya harap Menteri Kewangan bolehlah menubuhkan satu jawatankuasa yang berfungsi untuk mengkaji semula pada keseluruhannya tiap-tiap item, tiap-tiap industri yang sekarang sudah menikmati perlindungan atau insentif cukai yang diberikan oleh Kerajaan. Kerana Kerajaan juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan industri-industri yang menikmati umpamanya Perintah Duti Kastam yang disebutkan 11 item ini.

Saya menyokong umpamanya Perintah Duti Kastam No. 32 ditarik balik cukai import, itu memang adalah merupakan satu langkah yang baik yang menunjukkan Kerajaan ada mengambil berat apakah kemajuan dan perkembangan industri-industri yang sudah menikmati faedah perlindungan ini dan di sini saya adalah merasa sedih bahawa beberapa negara yang maju yang menggunakan dasar proteccionism untuk menentang barang-barang yang dikeluarkan dari Malaysia yang cuba dipasarkan di negara-negara yang tertentu.

Saya harap dan merayu supaya negara-negara yang maju ini bolehlah mengkaji semula dasar perlindungan mereka supaya hanya cakap banyak sahaja dalam dailog selatan/utara (north/south) dan memberi apa-apa bantuan kepada golongan negara yang termasuk dalam golongan selatan yang miskin yang berpendapatan rendah yang sangat memerlukan bantuan daripada mereka tetapi

dari segi kenyataan, mereka sudah mengadakan berbagai-bagai bentuk penting perlindungan untuk mengenakan berbagai cukai atas barang-barang yang dikeluarkan, yang dieksport dari negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Saya harap negara-negara yang maju, yang jujur ini yang selama ini bersuara lantang di Bangsa-bangsa Bersatu atau dalam conference antarabangsa yang katanya hendak merapatkan atau mengurangkan jurang di antara yang kaya dan miskin ini. Saya harap negara-negara yang maju ini boleh menunjukkan tindakan yang sincere untuk menolong Malaysia supaya bukalah pintu pasaran mereka supaya barang-barang yang dikeluarkan oleh Malaysia boleh dipasarkan supaya satu persaingan yang adil boleh diadakan.

Saya harap akhirnya Timbalan Menteri Kewangan boleh sekali lagi mengambil berat apa yang saya sudah utarakan selama ini melebihi tiga kali yang saya sebutkan dasar perlindungan Malaysia perlu dikaji supaya keadaan monopoli yang ada wujud di Malaysia ini boleh dihapuskan. Jangan mereka hide di bawah perlindungan tarif untuk mengkontrol atau mengkongkong beberapa jenis barang yang ada dikeluarkan di Malaysia dengan perlindungan tarif yang diberikan.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberikan satu penjelasan yang memuaskan yang selama ini saya timbulkan dan perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang saya timbulkan ini, saya harap boleh mendapat perhatian daripada Kerajaan. Sekianlah sahaja.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

4.49 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan tentang usul Perintah Duti Kastam Pindaan No. 31 sehingga 41, 1981. Pandangan dan teguran dari Ahli Yang Berhormat itu adalah begitu berguna sekali

bagi pihak Kerajaan terutama sekali kepada pihak yang berkenaan dalam urusan mereka dari sehari ke sehari.

Berkenaan dengan teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tentang perlindungan tarif, saya suka mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menerangkan cara-cara perlindungan tarif diberikan kepada industri-industri kita. Sebenarnya sesuatu permohonan untuk mendapatkan perlindungan tarif menerusi peraturan yang menyeluruh dengan mengambil kira beberapa aspek.

Sebelum sesuatu barangan yang dicadang dapat diluluskan untuk dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan Kerajaan akan mengkaji dari aspek viabilitinya sama ada barangan yang dicadangkan itu viable dikeluarkan oleh negara Malaysia. Pihak pengusaha-pengusaha perlu juga mengemukakan satu kajian menyeluruh tentang strategi keluaran dan pasaran barangan mereka. Apabila pihak Kerajaan yakin bahawa kajian yang dicadangkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan itu dapat mendatangkan keuntungan kepada pihak pengusaha dan pihak Kerajaan, baru sahaja pihak Kerajaan bersetuju secara dasar untuk meluluskan projek tersebut. Kemudiannya pengeluar-pengeluar tersebut baru mengemukakan contoh-contoh barangan yang dicadangkan untuk dikeluarkan kepada SIRIM atau Institut Piawaian Malaysia yang akan menguji mutu barangan tersebut daripada segi teknikal. Apabila Institut Piawaian Malaysia yakin bahawa mutu pengeluaran barangan tersebut adalah baik mutunya baru sahaja proses pertimbangan untuk memberi perlindungan tarif dapat dijalankan. Oleh yang demikian, saya penuh yakin bahawa projek-projek yang diluluskan untuk diberi perlindungan tarif adalah projek-projek yang viable dan mutu keluarannya adalah setanding dengan mutu barangan yang sama yang dikeluarkan oleh negara-negara asing.

Kadar yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan juga adalah satu kadar yang adil yang dicapai setelah pertimbangan berdasarkan kepada kesan harga barangan tersebut di atas ke atas

pengguna-pengguna tempatan. Tambahan pula pihak Kerajaan akan sentiasa mengkaji taraf perlindungan tarif ini dari semasa ke semasa dan akan menarik balik perlindungan ini apabila Kerajaan berpendapat bahawa industri yang diberi perlindungan boleh berdikari tanpa bantuan perlindungan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian. Sekian.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1981;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1981;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1981;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1981;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1981;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1981;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1981;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1981;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1981;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1981; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1981;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22 dan 23 tahun 1982 disahkan.

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

Kumpulanwang Amanah Kontraktor-kontraktor

4.56 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen Kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957 membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah Kontraktor-kontraktor”

Mengikut peruntukan perenggan (a) Seksyen Kecil (4) Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu usul meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut.

Kerajaan bercadang menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4) Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 yang dinamakan “Kumpulanwang Amanah Kontraktor-kontraktor” bagi membantu Kontraktor-kontraktor Bumiputra pada permulaannya dan kemudian akan diperluaskan kepada Kontraktor-kontraktor bukan Bumiputra jika keadaan memerlukan. Penubuhan Kumpulanwang Amanah ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, menggalakkan penyertaan Bumiputra dalam semua kerja-kerja kontrak terutamanya dalam industri pembinaan yang ditawarkan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Usaha ini adalah merupakan lanjutan kepada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu kontraktor-kontraktor binaan yang mana telah pun dilaksanakan seperti skim memberi pendahuluan kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang menjalankan kontrak-kontrak Kerajaan semenjak tahun 1978. Di samping itu juga kontraktor tempatan yang menjalankan kerja-kerja binaan telah

dikecualikan daripada membayar deposit tender dan juga telah dikecualikan daripada dikenakan wang tahanan. Di dalam tahun 1980, Kerajaan juga telah melaksanakan satu dasar yang mana tender-tender Kerajaan tidak lagi merupakan tender kos tetap, tetapi sebaliknya ialah tender-tender yang mempunyai syarat-syarat perubahan harga. Tender yang sedemikian tentunya dapat membantu kontraktor dalam membuat pengiraan kos yang lebih munasabah dan dengan sendirinya dapat membantu kontraktor-kontraktor dari mengalami kerugian. Baru-baru ini pula Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Skim Usahasama yang dikendalikan oleh Kementerian Kerjaraya dan Bank Bumiputra dengan mengadakan kontrak rundingan berdasarkan Bill Of Quantities. Sementara itu Kementerian Kewangan sendiri dengan kerjasama Jabatan Kerjaraya telah pun melaksanakan satu skim, setakat ini dibuat secara projek perintis dahulu iaitu kontrak yang dikenali dengan Skim Kos Campur Khas (Scheme Cost Plus). Skim ini adalah dikhususkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputra yang dipilih khusus berdasarkan keupayaan dan kebolehan mereka berpandukan kepada prestasi yang telah ditunjukkan selama ini.

Pada masa ini ada lebih kurang 6,979 kontraktor Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Jabatan Kerjaraya berbanding dengan lebih kurang 3,867 kontraktor bukan Bumiputera yang berdaftar di tempat yang sama. Bagaimanapun, sebahagian besar daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang didaftarkan ini iaitu kira-kira 72% adalah terdiri daripada kontraktor-kontraktor kecil dalam kelas 'F' yang menjalankan kerja-kerja yang bernilai \$35,000 ke bawah.

Satu daripada masalah-masalah yang menyebabkan kesukaran bagi kontraktor-kontraktor menyertai tawaran kontrak ini ialah oleh kerana kesukaran mendapatkan wang pendahuluan untuk memulakan kerja. Sungguhpun pada institusi-institusi kewangan yang bersedia memberikan pinjaman wang, tetapi mereka berkehendakkan cagaran dan mengenakan syarat-syarat yang ketat.

Satu lagi masalah bagi kontraktor-kontraktor kelas rendah ini ialah bilangan mereka adalah terlalu ramai berbanding dengan tawaran-tawaran kerja yang ada pada sesuatu masa. Yang demikian secara pukol rata tiap-tiap seorang kontraktor Bumiputra hanya membuat kerja yang bernilai beberapa ribu ringgit sahaja setahun dan ini tidak menjadikan ia kontraktor yang 'viable'.

Memandangkan masalah ini maka adalah perlu bagi sebuah Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan untuk membolehkan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada kontraktor-kontraktor kecil Bumiputra adakah sebagai modal permulaan dan ianya tidak dikenakan sebarang cagaran, faedah atau bayaran memproses. Ini adalah untuk memberikan galakan yang lebih lagi kepada kontraktor-kontraktor Bumiputra terutamanya yang mempunyai minat, usaha dan potensi serta mempunyai rekod prestasi yang baik di masa yang lepas dan di samping itu Kementerian Kerjaraya juga akan berusaha untuk menaikkan kelas yang lebih tinggi kepada kontraktor-kontraktor Bumiputra yang telah menunjukkan kejayaan mereka di masa yang lepas.

Sungguhpun Kumpulan Wang Amanah yang dipohonkan ini adalah kecil jumlahnya berbanding dengan apa yang dikehendaki oleh kontraktor-kontraktor Bumiputra, tetapi wang ini akan dapat membantu kehendak-kehendak kontraktor-kontraktor Bumiputra yang telah mendapat tender daripada Jabatan Kerjaraya.

Kumpulan Wang Amanah sebagai wang pusingan ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan syarat-syarat pinjaman daripada wang pusingan ini akan ditentukan oleh Kementerian tersebut setelah dibincangkan dengan pihak Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tiada bahasan, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen Kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957 membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah Kontraktor-kontraktor”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 dan 1982)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.03 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu”, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$667,600,164 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi membiayai perbelanjaan tambahan Anggaran Belanja Mengurus 1981 dan 1982, iaitu \$416,779,838 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 dan \$250,820,326 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981.

Sebenarnya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 berjumlah

\$443,043,196 tetapi hanya sebanyak \$416,779,838 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 seperti yang dibutirkan dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini oleh kerana bakinya sebanyak \$26,263,358 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan Undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1981 yang asal dan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981.

Tambahan terbesar sebanyak \$223 juta adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan dalam beberapa kumpulanwang terkanun iaitu sebanyak \$98.5 juta untuk “Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri”, \$50.7 juta untuk “Kumpulanwang Pelbagai Pendahuluan”, \$45.4 juta untuk “Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan ” dan \$28.3 juta untuk “Kumpulanwang Pendahuluan Sendiri (Pegawai-pegawai Kerajaan)”. Di samping itu, tambahan sebanyak \$69.2 juta adalah diperlukan bagi membiayai pelbagai belanja mengurus Jabatan Perdana Menteri di bawah program-program Pentadbiran Am, Penyelarasan Pelaksanaan, Pengurusan Bangunan Kerajaan. Pentadbiran Ugama Islam, Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am dan Biro Siasatan Negara.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1982.

Dengan tambahan sebanyak \$416,779,838 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1981 menjadi \$12,707,144,724. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$3,199,000,991 maka jumlah besar Anggaran Belanja

Mengurus bagi tahun 1981 menjadi \$15,906,145,715.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 pula, peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah jumlah \$250,820,326. Ianya adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1982 yang asal. Jumlah tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Bekalan sahaja yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 seperti yang dibutirkan dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$186 juta adalah dikehendaki sebagai sumbangan tambahan Kerajaan Malaysia kepada Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) bagi memenuhi tanggungjawab Malaysia terhadap pertubuhan tersebut dan juga menjaga kepentingan Malaysia dalam perusahaan getah; sebanyak \$30 juta adalah diperlukan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menampung kekurangan perbelanjaan dan sebanyak \$15.7 juta adalah diperlukan sebagai sumbangan Kerajaan terhadap perbelanjaan mengurus Bank Pertanian Malaysia bagi tahun 1981 bagi membantu Bank ini mengurus/mengendalikan pinjaman-pinjaman kepada petani-petani yang layak mengikut syarat-syarat pinjaman yang telah dilonggarkan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1982.

Dengan tambahan sebanyak \$250,820,326 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun

1982 menjadi \$13,683,876,646. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan sebanyak \$3,886,412,400 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1982 ialah \$17,570,289,046.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ucapan ini, saya ingin mengemukakan pula suatu cadangan ke atas usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982.

Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981

Bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 sebanyak \$797,880,410 adalah dicadangkan sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan 1981 yang asal dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama dan Kedua 1981 yang berjumlah \$14,626,618,959. Dengan cadangan tambahan ini jumlah besar peruntukan pembangunan bagi tahun 1981 menjadi \$15,424,499,369. Dari tambahan sebanyak \$797,880,410 yang dicadangkan dalam Anggaran Tambahan ini, sebanyak \$789,880,400 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan bakinya sebanyak \$8,000,010 adalah Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan terbesar adalah bagi Sektor Ekonomi yang memerlukan sebanyak \$776.5 juta atau 97.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$707.7 juta adalah bagi Perdagangan dan Perindustrian dan \$63.6 juta bagi Pengangkutan. Di bawah Perdagangan dan Perindustrian sebanyak \$700 juta adalah dikehendaki oleh Yayasan Pelaburan Bumiputra untuk tambahan modal dalam Permodalan Nasional Berhad (PNB) selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Di bawah Pengangkutan pula, sebanyak \$55.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek pembangunan Pelabuhan Bintulu.

Di bawah Sektor Sosial pula tambahan sebanyak \$13.4 juta adalah dikehendaki untuk Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat.

Tambahan sebanyak \$8 juta adalah diperlukan di bawah Sektor Pentadbiran Am untuk Perkhidmatan Am Jabatan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1982.

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini telah pun meluluskan Anggaran Pembangunan 1982 sebanyak \$14,631,547,375 di dalam mesyuaratnya pada bulan Disember, 1981. Tetapi oleh kerana perlunya disediakan peruntukan tambahan bagi membiayai beberapa projek yang telah diluluskan supaya pelaksanaannya tidak terjejas, maka saya cadangkan sebanyak \$414,321,306 diluluskan sebagai Tambahan Pertama bagi Anggaran Pembangunan 1982. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$412,347,506 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan bakinya sebanyak \$1,973,800 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini, jumlah Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 menjadi \$15,045,868,681.

Tambahan terbesar adalah bagi Sektor Ekonomi yang memerlukan sebanyak \$375.5 juta atau 90.6% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan.

Dari jumlah tersebut, sebanyak \$350 juta adalah bagi Perdagangan dan Perindustrian dan \$23.7 juta bagi Pengangkutan. Di bawah Perdagangan dan Perindustrian sebanyak \$300 juta adalah dikehendaki oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk menambah modal dalam Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan sebanyak \$50 juta lagi adalah

untuk membiayai pembayaran khas kenaikan harga kepada kontrektor-kontrektor yang terlibat dengan pembinaan bangunan dalam tempoh tahun 1977-1979. Di bawah Pengangkutan sebanyak \$21.7 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja pemulihan Pelabuhan Kuantan.

Sektor Social memerlukan tambahan sebanyak \$38.8 juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$36 juta adalah diperlukan untuk membiayai Rancangan-rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Butir-butir dan penjelasan lanjut bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1982 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL-USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1981

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1982

5.22 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam peraturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih

daripada \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh;

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

satu jumlah yang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh”

dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut sekarang ini

terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.28 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dicadangkan sepertimana yang dinyatakan tujuannya 'ang berjumlah sebanyak \$1,212 juta bagi Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi tahun 1981 dan 1982 sepertimana yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 5, 6, 7, 9, 10 dan 11. Untuk menjimatkan masa saya hanya akan menyentuh dua perkara yang ada berkaitan dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Speaker, saya memanglah menyokong bahawa satu peruntukan yang berjumlah begitu besar yang diperuntukkan untuk menambah perbelanjaan pembangunan bagi Kementerian Pertanian, tetapi satu perkara yang perlu saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini sepertimana yang dilaporkan dalam *The Star* dan beberapa suratkhbar tempatan berkaitan dengan peristiwa di Pulau Ketam.

Saya mengucapkan syabas bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberikan segala jaminan untuk bertindak mengatasi masalah ini. Tetapi apa yang mengkhawatirkan dan menyedihkan Dewan yang mulia ini, khususnya kaum nelayan ialah apakah yang sudah berlaku dan apakah sudah tertimpa pada nasib mereka, bila mereka menjalankan tugasnya di perairan antarabangsa di Selat Melaka.

Selama beberapa tahun ke belakangan ini kita selalu mengemukakan aduan-aduan dan masalah-masalah di Dewan ini tentang keselamatan kaum nelayan yang selalu diganggu dan dianyai sehingga diambil nyawanya di perairan antarabangsa, baik oleh lanun atau pihak-pihak yang berkuasa. Peristiwa Pulau Ketam sudah memperlihatkan bagaimana seriusnya dan bagaimana kasihannya nasib kaum nelayan yang tidak terjamin dari pihak Kerajaan, baik dari Indonesia atau Malaysia demi kepentingan bersama di antara negara

Indonesia dan Malaysia dan supaya satu perhubungan yang lebih erat dapat diadakan dan mengelakkan segala masalah, saya berharap dan merayu bagi pihak kaum nelayan di sepanjang Selat Melaka selama beberapa tahun ke belakangan ini yang mereka selalu bukan sahaja diganggu oleh lanun, tetapi juga diganggu oleh bot-bot yang berkelengkapan wireless seperti Marin Polis dari negara jiran kita. Apakah sebabnya kaum nelayan tidak boleh diperlindungi oleh Pasukan Keselamatan negara kita atau diperlindungi oleh negara jiran kita sehingga mereka terpaksa membayar, dalam bahasa Tionghua "Pau Fu Wei"; ertinya tiap-tiap bulan terpaksa membayar \$200 sebulan pada pertengahan bulan di perairan antarabangsa. Bagaimana boleh rakyat Malaysia kaum nelayan yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah ini selalu diugut atau dianiayai, jika wang tidak dibayar, perahunya akan ditarik. Apakah sudah berlaku jika sekiranya rakyat Malaysia atau kaum nelayan kerana kecuaiian, bukan dengan sengajanya, telah memasuki perairan negara jiran kita sudah sampai peringkat nyawa mereka diancam.

Saya harap peristiwa di Pulau Ketam ini perlu diambil berat kerana ini bukan merupakan satu tragedi yang pertama kalinya berlaku di perairan Selat Melaka. Di Kota Melaka pada tahun 1974 saya telah melaporkan berkali-kali kepada pihak yang berkuasa, umpamanya, di dalam rekod Polis Selangor melebihi 19 kali laporan Polis dilaporkan oleh kaum nelayan tetapi apakah langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil oleh Kerajaan untuk memberi perlindungan kepada kaum nelayan. Bolehkah kaum nelayan dianiayai atau diugut sehingga nyawanya terancam oleh pasukan yang berkelengkapan. Bagaimana perkara ini boleh diizinkan?

Pada minggu yang lepas dalam soal-jawab saya bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dalam lawatan beliau ke Indonesia saya soal adakah masalah keselamatan kaum nelayan diperbincangkan dengan negara Indonesia sebagai negara jiran kita, sebagai negara saudara kita. Masalah ini adalah diambil berat tetapi apakah sebabnya beberapa tahun ini perkara ini terus berlaku

kadang-kadang perahu dirampas dan mereka terpaksa membayar, diperas-ugut, dipaksa membayar di antara \$8,000 hingga \$20,000. Jika tidak dibayar mereka akan ditahan, nyawa akan terancam.

Tuan Speaker, saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi Pasukan Keselamatan negara kita untuk memperkuatkan rondaan di sepanjang perairan antarabangsa Selat Melaka. Saya harap dari hubungan diplomatik yang begitu rapatnya di antara Indonesia dengan negara kita, masalah ini boleh diselesaikan. Saya tidak mahu melihat peristiwa ini akan menjejaskan perhubungan persaudaraan di antara kita dengan negara jiran kita, apa lagi rakyat di Pulau Ketam yang begitu marah, yang begitu putus asa. Mereka seolah-olah tertinggal, tidak dapat diperlindungi oleh Kerajaan kita.

Saya mengucapkan syukur dan tahniah atas jaminan dan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi yang lebih mustahak ialah sekarang Kerajaan perlu bertindak segera baik melalui Marin Polis atau melalui Kementerian Pertahanan atau melalui Kementerian Luar Negeri supaya masalah ini boleh diatasi untuk selama-lamanya. Ini adalah tanggungjawab bagi Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan kehidupan kaum nelayan sebagai golongan yang begitu kasihan nasib mereka.

Jika mereka masih tidak dapat diberikan satu perlindungan survival yang asas, saya yakin mungkin mereka akan menghadapi satu keadaan yang serba salah, akan terjerumus dalam satu keadaan yang menderita. Saya harap Dewan yang mulia ini bolehlah mengambil perhatian berat peristiwa yang telah berlaku di Pulau Ketam.

Melalui kesempatan ini saya perlu menjelaskan satu perkara yang saya fikir perlu dijelaskan berpunca dari jawapan Timbalan Menteri Pertahanan semalam di mana semalam saya tidak diberikan peluang untuk menjelaskannya. Saya telah menjelaskan bahawa ini adalah tanggungjawab dan tugas bagi seseorang Wakil Rakyat, bagi orang Malaysia untuk mempertahankan kewibawaan, imej dan nama baik Pasukan

Keselamatan negara kita khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan. Jika terlalu beberapa peristiwa yang melibatkan segelintir ahli-ahli Pasukan Keselamatan, bolehkah saya sebagai Wakil Rakyat hanya cover up. Saya telah membuat laporan kepada Yang Amat Berhormat selaku Menteri Pertahanan, juga salinannya kepada CPO dan Ketua Pemerintah di Terendak Camp untuk menyasat perkara yang berlaku.

Peristiwa yang berlaku ini bukanlah kali yang pertama. Dalam masa 4 tahun ini telah berlaku berkali-kali. Itulah saya rasa, saya adalah bertugas sepenuhnya untuk mempertahankan nama baik Pasukan Keselamatan negara kita supaya ianya tidak akan dijejaskan oleh segelintir orang yang tidak berdisiplin untuk mengganggu kehidupan rakyat Malaysia yang tidak berdosa seperti kaum penjaja di Kota Melaka, di perhentian bas Jalan Kilang. Saya tidak mempermainkan politik atau hendak mencari cheap publicity sepertimana yang dituduh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Saya merasa kesal sebelum satu siasatan yang menyeluruh diadakan, bolehkah seorang Ahli Dewan ini dituduh sebagai yang tidak bertanggungjawab.

Saya bersedia untuk menerima segala tindakan disiplin jika sekiranya laporan yang saya buat yang didapati tidak berasas. Saya hanya menyampaikan apakah laporan yang saya terima melalui laporan Polis; mula-mula disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan, kemudian disampaikan kepada Dewan yang mulia ini sebagai forum untuk menyambung lidah rakyat. Adakah salah bagi seseorang Wakil Rakyat menjalankan tugasnya untuk memberitahu Kerajaan yang saya wakili, memberitahu rakyat yang memilih saya tentang perkara yang berlaku.

Saya harap aspirasi, jeritan rakyat bolehlah diberikan peluang untuk disalurkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Apa yang saya merasa kesal ialah saya sebenarnya sudah melalui saluran-saluran yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk membuat laporan. Saya tidak membuat tuduhan saya hanya mendesak

Kerajaan supaya menyasat. Kalau hanya mendesak dan merayu untuk Kerajaan bertindak pun hendak dituduh bersalah, saya fikir perkara ini perlu dikaji semula. Saya tidak boleh menerima tuduhan-tuduhan yang dilemparkan semalam. Saya sudah berkata saya ada dokumen untuk membuktikan bekas Menteri Pertahanan telah memberikan jaminan bagaimana satu Pasukan Komando melalui Kota Melaka terdiri tidak kurang daripada 100 orang untuk membuat kekacauan di Melaka sehingga berlaku suasana kegentingan. Bolehkah saya mendiamkan diri atau cover up perkara ini? Tidak boleh! Ini adalah tanggungjawab Wakil Rakyat untuk melihat bahawa perkara yang ada berkaitan dengan kepentingan orang ramai, yang berkaitan dengan kepentingan negara perlu diperindungi dan dijaga oleh setiap rakyat Malaysia yang taat setia.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan boleh memahami tujuan saya yang menyampaikan masalah ini di Dewan yang mulia ini. Saya tidak membuat tuduhan yang membabi-butakan di Dewan yang mulia ini, saya hanya merayu Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan menyasat dan memastikan peristiwa-peristiwa yang sensitif di kawasan Kota Melaka ini tidak akan berlaku lagi.

Sebenarnya jaminan ini telah diberi oleh Menteri Pertahanan dengan satu surat yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan sendiri kepada saya. Sebab itu saya hendak pastikan perkara ini tidak akan berlaku, kalau tidak bagaimanakah tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen di Kota Melaka. Saya tentu akan dipersoalkan, saya tentu akan bertanggungjawab sepenuhnya atas perkara yang mana saya telah melapor.

Saya harap pihak Kementerian Pertahanan boleh menghantar lebih banyak M.P. (Military Police) untuk meronda di kawasan-kawasan yang tertentu di mana saya ada memanjangkan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan termasuk Ketua Polis Negeri kerana perkara ini sangat serius, saya perlu menjelaskan

bahawa segala perselisihan faham segala jeritan rakyat perlu disuarakan di Dewan yang mulia ini bukanlah untuk mencari cheap publicity. Kalau perkara tuduhan ini dilemparkan mungkin akan menjatuhkan kemurnian, kewibawaan Dewan yang mulia ini, ia akan menghalang seseorang Ahli Parlimen untuk menjalankan tugasnya. Baik saya dalam parti Pemerintah atau di manapun asalkan saya seorang Wakil Rakyat inilah tugas saya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.44 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Kewangan yang saya yakin kesemua peruntukan-peruntukan yang diminta yang telah diluluskan baik pun tahun 1981 juga 1982 di dalam segi pembangunan dan pengurusan, saya percaya termasuk segenap Kementerian yang terlibat yang mana perkara-perkara ini saya yakin adalah membawa kebaikan kepada negara baik di segi pembangunan juga di segi kerohanian.

Sungguhpun begitu saya suka menegaskan walau banyak mana kita keluar sekalipun untuk pembangunan, tetapi kita tidak menitikberatkan di segi kerohanian dan keselamatan selama itu keamanan dan kesejahteraan sama-sama rakyat tidak akan tercapai. Dengan sebab itu saya suka menegaskan di sini perkara pertama yang saya akan bercakap ialah di segi kerohanian, perpaduan, tatarakyat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada setengah negara yang bukan Islam tetapi kita lihat di segi tatarakyatnya, hormat menghormati amatlah baik, hormat orang muda kepada orang tua, hormat orang muda kepada orang yang telah meninggal amatlah tinggi, orang sakit dihormati, orang mati dihormati. Tetapi saya amat sayang, dalam negara kita yang mengamalkan agama Islam sebagai agama rasmi, kadang-kadang ada di antara rakyat di negara kita sendiri di segi perpaduan dan tatarakyat sebagai saya

katakan amat menyedihkan. Saya amat berharap kepada Kerajaan menitikberatkan perkara ini. Buatlah apa satu rancangan untuk membaiki seperti saya katakan tadi.

Saya amat dukacita kerana dalam negara kita banyak orang cerdik pandai. Pada pagi tadi, 8.30 pagi saya telah pergi ke satu pejabat yang saya tidak mahu khabar pejabatnya dan kalau perlu saya akan menulis surat kepada Kementerian berkenaan. Dalam saya berjumpa seorang pegawai, alangkah sedihnya saya, bila ia datang kepada saya sambil bertanya, sambil seluk poket, iaitu seorang pegawai bumiputera dan Islam. Dia bertanya, "Tiadakah Parlimen pada hari ini?" Saya kata ada. "Bagaimana hendak ada Parlimen sedangkan kepalanya sudah jalan?". Ini saya bercakap atas nama Allah. Tersentak hati saya, "Bagaimanakah Parlimen hendak berjalan sedangkan kepalanya sudah jalan?". Alangkah sedihnya perkataan ini. Walaupun jalan, mati dan ada satu perkataan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "mampus", semua ini boleh digunakan untuk orang yang meninggal, tetapi kata-kata itu amat pedih didengar. Sebab itulah kita cubalah gunakan bahasa yang halus.

Bagi manusia dengan manusia gunakan perkataan "meninggal dunia" bagi keluarga di Raja, "almarhum, mangkat" dan sebagainya. Banyak perkataan yang boleh digunakan dari segi tatasusila bahasa dan sebagainya. Ini dikatakan oleh seseorang pegawai, pegawai dalam satu Kementerian dan kalau perlu, saya akan beri surat kepada Menteri. Tetapi ini saya fikir tidak perlu. Itu saya pergi kepada satu tempat. Boleh jadi tempat-tempat lain juga berlaku demikian. "Kepalanya sudah jalan bagaimana Dewan hendak bersidang". Maknanya Allahyarham Tan Sri Syed Nasir sudah meninggal dunia bagaimana Dewan ini hendak bersidang. Itulah bahasa yang digunakan seperti saya katakan. Alangkah sedihnya. Sebab itu saya harap sangat di segi ini patut kita titikberatkan walaupun kita belajar banyak hingga pelajaran tinggi melangit, selagi tatasusila dan keperibadian ini tidak ada pada tiap-tiap manusia selama itu pelajaran tidak menjamin manusia untuk mendapat kebahagiaan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa dengar dalam Quran mengatakan, walaupun ada golongan manusia yang bijak pandai yang saya tidak sebut daripada golongan manusia mana tetapi ditetapkan oleh Tuhan mereka ini ditempatkan di dalam neraka, sedangkan mereka orang yang pandai. Tetapi kalau tidak gunakan cara keperibadian, cara kebaikan dia tidak menjamin kebahagiaan khasnya pada segi apapun, saya tidak katakan di segi akhirat sahaja bahkan sama-sama dunia juga pun kadang-kadang kerana bijak pandai membuat perkara yang tidak baik. Saya tidak menentang bijak pandai bahkan saya berharap sangat bijak pandai akan membawa kebaikan. Tetapi saya suka menegaskan seperti saya katakan tadi selagi tata-rakyat dan perpaduan diajar kepada manusia terutama di sekolah, Pejabat Penerangan dan sebagainya ini amat memalukan. Itu di segi yang bijak pandai.

Yang satu lagi yang saya amat sedih dalam masyarakat kita. Pada pagi tadi juga, ini cara tidak langsung, ini bukan cara hendak menghina, tetapi barangkali dia tidak faham. Katanya "Sesudah mendiang mati, hendak tanam lagi, siapa pula hendak ganti dia?" Dia gunakan perkataan "mendiang kepada Allahyarham Tan Sri Syed Nasir, dia tidak guna perkataan "Allahyarham" sedangkan dia budak Melayu. Dia bukanlah pegawai tinggi tetapi dia ada sedikit sebanyak kebolehan sebab itu dia membolehkan dia bertugas.

Saya harap sangat baik dalam Kementerian Pelajaran, baik dalam Kementerian Penerangan mengambil berat perkara ini. Inilah punca perpaduan, kerana kita tahu daripada mulut badan binasa, daripada cakap-cakap yang baik membawa manusia kepada perpaduan. Cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab kadang-kadang tidak kena pada tempat mendatangkan keadaan sensitif dan sebagainya kepada manusia lain. Sebagaimana saya katakan tadi walaupun kita mengeluarkan banyak wang tetapi selagi ini tidak dititikberatkan selama itu tidak menjamin kebahagiaan yang sejati kepada manusia kalau semata-mata hendak menitikberatkan kepada pembangunan.

Walaupun begitu dari segi pembangunan, saya tidak nafikan, dari segi pelajaran tinggi, saya tidak nafikan; saya ulang, saya tidak nafikan; pembangunan dalam pelajaran tinggi tetapi ini bukan menjamin manusia selagi tatasusila dan perpaduannya tidak dititikberatkan kepada setiap manusia apatah lagi pemimpin-pemimpin masyarakat, pelajar-pelajar yang tertinggi begitu juga pemimpin-pemimpin parti dan sebagainya.

Dengan sebab itu, saya juga turut sedih. Kadang-kadang kepada manusia yang terkorban seperti Polis dan sebagainya, tidak diberi takziah, tidak diberi simpati tetapi kadang-kadang kepada penjahat-penjahat, kita lebih titikberatkan. Perkara ini saya berharap bahawa perkara yang perlu kepada kita di segi memandang tinggi atau memandang kasih sayang ialah terutama kepada orang-orang yang telah sakit, apatah lagi orang yang telah meninggal yang saya katakan tadi. Saya amat terharu walaupun saya tidak bercakap kerana itu dicakapkan oleh tiap-tiap Ketua Parti sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat pada petang ini, saya tidak fikir langsung, apatah kalau bumiputra dia tidak patut bercakap seperti saya katakan tadi. Kalau dia tidak fikir hamba Allah macam Allahyarham itu mengambil tinggi bidang agama, sebab dia tidak begitu cenderung segi agama, sebab dia educated, berpelajaran tinggi. Tetapi dia tidak fikir dari segi Bahasa Kebangsaan, hamba Allah inilah salah seorang dari pengasasnya. Begitu juga dari segi Musabaqah membaca Quran dan sebagainya. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak fikir sekali-kali, fikirkanlah salah seorang yang memperjuangkan kemerdekaan termasuklah Allahyarham. Pendek kata kalau dia tidak setuju tentang "A", ada tempat "B" dia boleh ambil. Tetapi dengan perkataan pagi tadi, saya sedih sangat. Saya berharap sungguh-sungguh apa yang saya dengar pagi tadi tidak akan berlaku lagi dengan perbelanjaan yang kita beri sebagaimana saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua dari segi keselamatan. Saya juga menitik beratkan sebagaimana saya katakan tadi kalau segi pembangunan semata-mata tanpa

keselamatan tidak akan membawa kebaikan. Keselamatan amat perlu. Kita tahu walaupun kita adalah bertanggungjawab bersama tetapi tugas khas yang diamanahkan dari segi keselamatan tidak lain dan tidak bukan ialah pegawai-pegawai keselamatan. Dengan sebab itu saya bukanlah hendak menjawab. Semasa soal jawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bangkitkan tadi—saya dengan Polis sungguh saya simpati. Bukanlah saya bercakap kerana saya takut kalau-kalau Polis hendak tangkap saya. Saya percaya Polis tidak akan tangkap orang kalau tidak bersalah. Tetapi kita tidak nafikan kadang-kadang Polis dimaki oleh setengah golongan, misalnya letak motokar tidak kena pada tempat, biasa ditengking kepada pegawai polis—tidak kenalkan aku ini siapa? Aku kawan CPO dan sebagainya. Ini biasa ditengking kepada Polis. Saya amat simpati, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya tidak mahu menggunakan perkataan Polis “seksa” ataupun ancaman, mengambil ugutan agak berpatutan. Demi keselamatan negara, saya amat sokong, kalau difikirkan orang itu betul-betul bersalah dari segi undang-undang keduniaan, tidak adil kalau orang salah tidak dihukum.

Begitu juga dari segi hukuman Tuhan, orang yang buat baik akan dibalas baik, orang yang buat jahat akan dibalas jahat. Sebab itulah pernah satu ketika seorang anggota parti pernah menanya saya, amat kejam Kerajaan hari ini kadang-kadang dia utamakan orang dia. Ini seadil-adilnya mengikut hukuman Tuhan, kerana Tuhan telah menjadikan semua makhluk, manusia. Mengapa pula Tuhan menjadikan syurga dan neraka. Kalau sepatutnya ikut adil semua bubuh di dalam syurga. Tetapi mengikut keadilan Tuhan yang buat kebajikan amal salih, aku masukkan dia ke dalam syurga, yang buat kejahatan dan kepalsuan, aku masukkan ke dalam neraka. Ini mengikut keadilan. Kalaupun orang jahat kita samakan dengan orang baik, ini bukanlah adil. Sebab itu saya katakan dua hari lepas tindakan yang berpatutan perlu tetapi mesti dikaji dulu, jangan kadang-kadang biasa terjadi, kita ini sebab kenal dengan satu-satu orang, dia yang bawa, kita yang tumpang. Tetapi kalau orang ini betul-betul ada dalam catatan polis, kalau sekiranya tidak diberitahu, harus kitalah kita ugutan. Kita tidak ikut macam Jepun, tetapi

saya percaya setakat hari ini dari segi ekonomi negara kita turut ikut. Saya masih ingat walaupun masa itu saya masih kecil tetapi saya masih ingat. Pernah dikatakan orang di masa Jepun buka rumah waktu manapun tiada pencuri hendak masuk tetapi dizaman tamaddun kita hari ini manusia yang berpelajaran tinggi, sama ada yang berjawatan Kerajaan ataupun tidak, saya berasa amat sedih dengan ceroboh menceroboh, jenayah dan sebagainya berlaku dengan tidak berhabis-habisan. Dengan sebab itu saya berharap disegi keselamatan ini patut kita titikberatkan. Bukanlah saya hendak puji Polis, dari segi kedudukan mereka ini patut dititikberatkan terutamanya macam negeri saya sendiri—Ketua Polis pun tidak ada. Saya sudah minta dan rayu beberapa kali patut diadakan.

Misalnya saya kata kalau satu sekolah ada Guru Besar, bubuhlah peringkat tingkatan yang patut dengan gaji dia. Guru Menengah ada Guru Besar dengan tingkatan gaji dia, guru menengah ‘A’ dengan tingkatan gajinya, yang berkelulusan Universiti diberi gaji sebagai Pengetua dan berbagai-bagai lagi. Jadi kalau negeri kecil samakanlah negeri kecil dengan tingkatan yang berpatutan, dan tentang ketuanya patut diadakan. Ketua rumah ada ketua padang masih ada, apatah lagi Ketua Polis Negeri yang ada satu. Jadi bukanlah saya tidak mahu bersatu dengan negeri-negeri lain tetapi ini memayahkan dari segi pentadbiran dan sebagainya.

Di samping itu, saya suka merayu sekali lagi dari segi kedudukan Pegawai Keselamatan, yang saya dapati macam biasa saya merayu tugas-tugas mereka amat besar. Misalnya seorang OCS balai polis yang bertanggungjawab tidak kurang daripada 15,000 orang. Saya misalkan dalam kawasan saya Kangar—balai Polis ada 5 sedangkan penduduknya sama ada termasuk yang mengundi dan tidak mengundi hampir 80,000 lebih. Sekolah Kebangsaan ada 25 buah, menengah 6 buah. Guru-guru Besar Sekolah Kebangsaan, saya bukan hendak merendahkan gaji Guru Besar tetapi saya agak lebih daripada \$1,000 sebagai Guru Besar tetapi tugasnya tidak lebih daripada 300 orang murid, kadang-kadang ada pula Guru Besar “B” mempunyai 400 orang murid.

Kalau memandangkan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang besar begitu patutlah dipanggil Dato' walaupun mereka ini OCS bukan Dato' anugerah Sultan, tetapi Dato' panggilan orang kampung kerana menjaga keselamatan.

Setakat saya tahu hari ini kebanyakan OCS dari Sarjan, setengah-setengah tempat Koperal yang jadi OCS. Tetapi hari ini saya dapati kebanyakan Sarjan Polis gajinya \$780, Koperal \$680, Polis Biasa \$585, sedangkan tugas-tugasnya, berlipat ganda baikpun dari segi kawalan orang yang dikawalinya begitu juga dari segi keselamatan dirinya selalu terancam. Maka dengan sebab itu saya merayulah kepada orang-orang yang selalu menjaga keselamatan kepada kita, patutlah Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah negeri saya Perlis peruntukan yang diberi telah dibuat banyak jalan, tetapi malangnya, jalan-jalan yang berkenaan, kalau musim kemarau tanahnya berdebu masuk mata dan sebagainya, kadang-kadang hangat hati kepada orang yang berhampiran diletakkan batu-batu besar tengah jalan, akibatnya selalu terjadi kemalangan. Ini dibuat kerana hendak menjaga keselamatan jangan debu masuk rumah dan jangan kenderaan lari deras kerana debu terlampau. Kalau datang pula musim hujan, jalan itu melekat pula.

Jadi saya berharaplah sesudah jalan dibuat, bukanlah jalan terlampau kecil, jalan yang boleh masuk motokar dan sebagainya hendaklah ditarkan seberapa segera yang boleh. Setahu saya pada masa yang lepas peruntukan yang berkenaan ada.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi perairan di Perlis walaupun kata Menteri Pertanian akan dibuat satu jenis tanaman yang sesuai tetapi tanaman apapun tidak boleh hidup tanpa air. Kerana tanaman bergantung kepada air, kalau airnya tidak ada walaupun sedikit, tanaman itu tidak akan hidup. Kalau tidak hendak dibuat rancangan perairan Muda dan sebagainya, biarlah sesuai dengan tanaman selingan. Namun begitu, macam saya katakan tadi selain daripada manusia,

tanaman juga berkehendakkan air. Jadi oleh sebab memandangkan keadaan masa diminta oleh kawan secara terhormat, maka saya dengan ini menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tahun 1982 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Pada mulanya suka saya membahaskan Rang Undang-undang ini pada dasarnya. Dalam hubungan ini, saya suka membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan peruntukan dan penggunaan wang-wang awam untuk perkhidmatan awam Persekutuan.

Di samping mengakui keperluan bayaran tambahan dibuat oleh perkhidmatan awam Persekutuan bagi tahun-tahun 1981 dan 1982 kerana perbelanjaan yang melebihi peruntukan Belanja Mengurus Persekutuan untuk tahun 1981 dan 1982, saya rasa bahawa adalah penting bagi saya menegaskan di sini, bahawa jentera pentadbiran Kerajaan mesti terus-menerus diperkuatkan dan diperkemaskan agar dapat dipastikan bahawa pelaksanaan berbagai projek-projek dijalankan dengan licin dan lancar serta perkhidmatan yang cekap dan berkesan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu bidang penting yang perlu diberikan perhatian yang segera di pihak Kerajaan yang mana peruntukan wang yang secukupnya diperlukan ialah memperkemaskan sistem pengangkutan awam dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Laporan Ekonomi tahun 1981 dan 1982 ada mencatatkan bahawa sejajar dengan rancangan-rancangan menggalakkan penggunaan yang meluas pengangkutan awam dan memperbaiki kemudahan-kemudahan pengangkutan awam Kerajaan sedang dalam

proses menimbang cadangan-cadangan untuk mengemukakan atau memperkenalkan cara-cara pengangkutan awam yang baharu. Inilah masanya bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam untuk Kuala Lumpur yang ada sekarang. Dan dalam hubungan ini, saya ingin menggesa supaya dirangka suatu projek bernilai berjuta-juta ringgit bagi tujuan mencapai maksud ini. Perbendaharaan hendaklah menyediakan satu peruntukan yang cukup untuk pembukaan satu sistem pengangkutan awam yang segera (mass rapid transit system) untuk Kuala Lumpur supaya dapat menghasilkan satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan boleh diharapkan bagi memenuhi keperluan rakyat.

Sistem pengangkutan awam yang segera hendaklah termasuk sama ada sistem Aerobus, light rail ataupun underground rail yang akan digunakan. Saya difahamkan bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kabinet sebelum sesuatu keputusan diambil tentang cara pengangkutan awam yang lebih mudah dan menjimatkan. Sebagai Ahli Parlimen Kuala Lumpur Bandar, saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rumusan dan pengemukaan apa juga cara pengangkutan awam untuk Bandaraya hendaklah menimbang juga pandangan-pandangan pihak orang ramai kerana merekalah yang akan menggunakan sistem ini. Memandangkan di atas, saya suka menggesa Kerajaan supaya menyediakan peluang-peluang sepenuhnya untuk perbincangan umum di atas perkara ini dan juga menjemput atau mempelawa orang ramai memberi pandangan sebelum Kerajaan membuat sesuatu keputusan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan ialah berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah pada pandangan saya diberikan peruntukan yang lebih besar supaya ia dapat bertugas dengan berkesan. Jika mendapat banyak peruntukan maka ramai pekerja dapat diambil untuk bertugas di semua pusat-pusat pendaftaran yang static dan menolong mendaftar pemilih-pemilih yang layak didaftarkan. Sistem

sekarang yang menugaskan pekerja pejabat daripada berbagai jabatan pihak Berkuasa Tempatan mendaftar pemilih pada masa yang ditetapkan adalah kurang tepat dan hendaklah diganti dengan sistem yang lebih berkesan dan cekap. Pekerja sepenuh masa hendaklah diambil bertugas di semua pusat pendaftaran yang static dalam tempoh 42 hari untuk mendaftar pemilih-pemilih yang layak. Lebih banyak peruntukan hendaklah disediakan untuk membeli lebih banyak van-van bergerak untuk menolong dalam kerja-kerja mendaftar pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, satu dari masalah yang biasa dihadapi oleh pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur ialah kekurangan peruntukan untuk perkhidmatan penyelenggaraan. Adalah biasa jika kita melihat banyak kemudahan-kemudahan awam tidak diselenggarakan dengan sempurna kerana kekurangan peruntukan dan tidak diambil peduli oleh pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat banyak contoh dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang boleh disentuh sebagai tidak diselenggarakan dengan sempurna. Satu contoh yang baik ialah berkenaan dengan pasarama ibukota yang sekarang dalam keadaan yang menyedihkan. Banyak bahagian dalam bangunan itu retak dan bocor dan kerja-kerja membaiki tidak pernah dilakukan. Satu contoh yang lain ialah keadaan bilik air dan tandas awam yang ada dalam Bandaraya yang lebih menyedihkan lagi. Lif-lif dalam semua rumah pangsa dalam berbilang tingkat dalam Bandaraya Kuala Lumpur khususnya di Jalan Loke Yew dan Jalan Shaw sudah lama dan buruk dan perlu diganti baharu. Akan tetapi peruntukan wang tidak disediakan untuk mengganti baharu semua lif-lif yang buruk yang tidak selamat digunakan lagi. Demi keselamatan orang ramai, saya suka menggesa Kerajaan supaya mengambil perhatian yang serius atas perkara ini dan mengambil tindakan yang sesuai untuk memperbaikinya.

Di atas perkara semua rumah pangsa berbilang tingkat dalam Bandaraya, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan supaya menunaikan janjinya untuk menawar menjual rumah pangsa kepada penyewa yang ada sekarang supaya mereka

yang dalam golongan berpendapatan rendah boleh memiliki rumah-rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membincangkan apabila bercakap tentang dasar am Rang Undang-undang ini ialah keperluan mempunyai kemampuan pentadbiran yang cekap bagi memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada rakyat adalah dapat dilaksanakan dengan kecekapan.

Sebuah jabatan yang mana kecekapan pentadbiran perlu diperkemas dengan segera ialah Jabatan Pengangkutan Jalan. Keadaan-keadaan yang kelam-kabut biasa dilaporkan dalam suratkhawatir-suratkhabar tempatan mengenai Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan, terutamanya dalam Wilayah Persekutuan dan Selangor. Saya rasa bahawa mestilah diadakan satu overhaul dalam Jabatan Pengangkutan Jalan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada orang ramai. Overhaul atau pemulihan mestilah meliputi semua aktiviti Jabatan, baik daripada pengeluaran lesen hinggalah kepada sistem pentadbirannya.

Tuan Speaker, berhubung dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, saya ingin mencadangkan bahawa langkah-langkah tertentu hendaklah diambil untuk memproses permohonan-permohonan untuk mendapatkan permit lesen teksi yang berlonggok sekarang dan mengeluarkan lesen-lesen itu kepada mereka yang memohon dan pemandu teksi bertahun-tahun lamanya untuk mencari penghidupan. Terdapat masih ramai pemandu teksi dalam Bandaraya yang telah memandu teksi lebih 15 tahun dan ada yang lebih 20 tahun tetapi tidak pernah berjaya dalam permohonan mereka untuk mendapatkan lesen. Untuk golongan pemandu teksi ini Kerajaan hendaklah memastikan bahawa dasar pengeluaran lesen hendaklah berdasarkan kepada dasar pemilik pemandu akan dilaksanakan untuk memberi faedah kepada mereka.

Mengenai pemandu-pemandu teksi dalam Bandaraya, saya juga ingin mengambil keputusan ini untuk menyeru Kerajaan supaya mengecualikan mereka daripada

menggunakan talipinggang keselamatan memandangkan bahawa talipinggang ini menjadikan mereka tidak boleh bergerak apabila berdepan dengan perompak-perompak.

Tuan Speaker, mengenai Jabatan Pendaftaran Negara saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyejajarkan proses permohonan kewarganegaraan oleh semua si pemohon-si pemohon yang layak. Salah satu pengaduan yang saya ada terima ialah berhubung kelambatan kepada pihak pentadbiran dalam memproses permohonan kewarganegaraan. Di samping saya mesti mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Kad Pengenalan kerana kecekapannya mengeluarkan Kad-kad Pengenalan, saya mesti menekankan di sini mengenai jangka masa yang begitu lama diambil oleh Bahagian Kewarganegaraan dalam memproses permohonan kewarganegaraan. Saya suka mencadangkan bahawa peraturan-peraturan memproses permohonan kewarganegaraan hendaklah diselaraskan dengan pandangan ke arah menyejajarkan pengeluaran sijil-sijil kewarganegaraan.

Tuan Speaker, yang akhirnya dalam menentukan wujudnya sebuah pentadbiran yang cekap, licin dan bersih, Biro Pengaduan Awam mestilah bukan sekadar wujud sahaja tetapi ianya mestilah berkesan dengan dibekalkan lebih banyak kuasa untuk menyelesaikan semua masalah dan rungutan daripada orang ramai. Memandangkan bahawa Kerajaan telah menolak saranan kita supaya diwujudkan satu sistem 'Ombudsman' di Malaysia, Kerajaan hendaklah menjadikan Biro Pengaduan Awam lebih berkesan, lebih efektif atau lebih berkuasa dalam menyelesaikan tuntutan-tuntutan orang ramai terhadap pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan, kalau tidak Kerajaan hendaklah menggantikannya dengan satu sistem yang lebih efektif. Walaupun Kerajaan telah memutuskan untuk mendedahkan lagi Biro ini kepada orang ramai dalam proses untuk memindahkannya, iaitu keluar dari Jabatan Perdana Menteri, masih belum terbukti lagi Biro ini dapat berkuasa untuk mengendalikan semua pengaduan orang ramai. Contohnya,

saya difahamkan bahawa dari 1hb Januari, 1982 hingga 28hb Februari, 1982 Biro ini telah menerima sejumlah 1,472 pengaduan, dari jumlah itu Biro ini hanya dapat menyelesaikan 123 pengaduan sahaja. Walaupun saya mengakui bahawa Biro Pengaduan Awam memainkan satu peranan yang penting, akan tetapi daripada angka yang saya berikan tadi nampaknya Biro ini tidak berkemampuan untuk menyelesaikan pengaduan-pengaduan yang dirujuk kepadanya.

Memandangkan ini saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah membekalkan Biro Pengaduan Awam ini dengan kakitangan yang lebih, dengan kakitangan yang terlatih dan apa yang lebih penting ialah dengan cara membekalkan Biro Pengaduan Awam ini dengan kuasa yang secukupnya untuk menyelesaikan masalah-masalah dan pengaduan berhubung dengan berbagai Kementerian, berbagai Kerajaan Negeri dan berbagai Jabatan yang berkenaan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.17 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya ingin berucap untuk berucap sahaja tetapi rasa saya ada beberapa perkara hendaklah disuarakan dengan tegas dan terang untuk perhatian pihak yang berkuasa dan kemudian untuk diperlaksanakan demi kepentingan rakyat jelata.

Pertama sekali, saya merujuk kepada peruntukan untuk membayar pampasan (compensation) untuk kontraktor-kontraktor yang mengalami kerugian kontrak mereka di antara tahun 1977 dan 1979.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya memuji Kerajaan yang begitu bermurah hati untuk mengambil langkah ini untuk melindungi kontraktor-kontraktor

daripada kerugian mereka sewaktu mereka menjalankan projek-projek Kerajaan di antara tahun-tahun yang tersebut tadi. Kerajaan juga telah menunjukkan semangat dan usaha untuk membantu kontraktor-kontraktor yang ada sekarang akan juga memberi perangsang kepada para kontraktor-kontraktor yang ingin mencebur diri dalam perniagaan kontrak, tetapi saya rasa apa-apa usaha yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan ini adalah tidak mencukupi oleh kerana Kerajaan akan membayar kerugian kontraktor-kontraktor mengenai harga simen dan besi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya orang-orang kontraktor yang mengalami kerugian bukan sahaja terhad kepada harga simen dan besi sahaja tetapi ada faktor-faktor yang lain yang telah merugikan mereka seperti banjir dan lain-lain bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul berharap Kerajaan akan mengambil perhatian semua faktor-faktor yang mengakibatkan kerugian mereka dan memberi pampasan yang cukup dan realistik supaya mereka dapat diselamatkan daripada bankrupsi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ingin saya sebutkan ialah mengenai tanda trafik di jalanraya kita. Pada zaman moden ini kita semua bergantung semata-mata atas tanda trafik untuk memandu kereta dengan selamatnya. Apa yang saya maksudkan ialah Kerajaan hendaklah memberi atau menempatkan tanda-tanda trafik (road signs) yang mencukupi supaya pemandu-pemandu dapat memandu keretanya dengan pasti dan yakin. Saya percaya dengan ini kemalangan jalanraya akan dikurangkan dan akan memberi keselamatan kepada pemandu-pemandu kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi sokongan penuh saya atas Rang Undang-undang ini dan berharap Kerajaan akan berikhtiar, lebih-lebih lagi untuk melaksanakan pendapat-pendapat saya mengenai perkara ini. Sekian, terima kasih.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinta.

6.03 ptg.

Tuan Yang Choong Fu (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya inginlah saya memberi sokongan saya yang penuh atas perkara yang dibentangkan dalam Dewan pada petang ini.

Seperti kita semua maklum antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk faedah rakyat jelata dan keselamatan negara kita, tetapi kadangkala ini tidak mencukupi sehinggakan rakyat rasa banyak usaha lagi boleh dibuat untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah mengenai Pejabat Kastam dan Eksais Di Raja di mana pentadbiran dan projek pembangunan mereka hendaklah diperbaiki dan diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada permohonan orang ramai untuk pulangan cukai yang telah dibayar dan permohonan untuk pengecualian yang tertentu daripada Pejabat Kastam dan Eksais Di Raja. Walaupun saya tidak menjalankan perniagaan import dan eksport, tetapi melalui beberapa pengaduan daripada pihak yang berkenaan saya sudah pasti bahawa perkara yang tersebut tadi adalah lambat dan patutlah diperbaiki yang mana boleh.

Kadangkala permohonan mereka untuk pengecualian cukai sebagai seorang pengusaha industri terpaksa menunggu berbulan-bulan sebelum dapat diselesaikan perkaranya. Ini saya rasa akan menakutkan bakal pengusaha-pengusaha industri yang sangat-sangat memberi sumbangan mereka kepada ekonomi negara kita. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian berat atas perkara ini demi memperbaiki pentadbiran kastam di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin membangkitkan ialah mengenai Pejabat Kastam dan Eksais Di Raja di seluruh negara kita. Seperti kita maklum, pihak Kastam dan Eksais Di Raja adalah sangat penting oleh kerana mereka mencari kewangan yang besar untuk pentadbiran

negara kita. Jadi keadaan pejabat di mana mereka bekerja hendaklah memuaskan dan sihat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada beberapa tempat di mana Pejabat Kastam adalah buruk dan tidak sihat sehingga kerja pegawai-pegawai pernah terjejas. Ini tidak patut berlaku dan saya bercadang supaya peruntukan yang mencukupi diberi untuk memperbaiki keadaan pejabat-pejabat di mana mereka bekerja. Ini akan menjamin kerja mereka dapat dijalankan dengan licin dan semangat yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah pendapat-pendapat saya dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan sokongan saya atas perkara ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.26 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, I rise to take part in the debate on the Supplementary Budgets for 1981 and 1982 wherein this House is requested to approve the following:

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981	\$ 416,779,838
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1981	\$ 797,880,410
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1982	\$ 414,321,306
Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) Pertama 1982	\$ 250,820,326

Mr. Speaker, Sir, I raised twice in this House about blue identity cards being issued to Filipino refugees, but the Government conveniently denied my allegations. Last year, during the Budget debate, I mentioned a case wherein a Filipino couple obtained blue I.C.s but the Deputy Minister of Home Affairs in his reply stated that the I.C. numbers quoted belonged to others and not to Encik Tembasal and Puan Maslia. However, since then, I have handed to the Deputy Minister of Home

Affairs photostat copies of the evidence relating to Encik Tembasal and Puan Maslia.

I also observed from the Order Paper for the last Budget Meeting that the Member for Keningau posed a similar question about the issuing of blue identity cards. He mentioned the case of Puan Sadiyah binti Hussin *alias* Jamilah binti Haji Mohd. Hussin, an Indonesian who was issued with a blue identity card. The question was withdrawn from the day's Order paper for reasons which the Honourable Member himself knows.

In the Magistrate Court at Sandakan on 18th January, 1982 in Criminal Case No. 86/1982, Public Prosecutor vs. Muhamad bin Suvalin (M), the said Encik Mohamad bin Suvalin was fined \$500.00 or in default 4 months jail for obtaining without lawful authority two identity cards, NRIC No. H. 8020559 under the name of Muhamed bin Suvalin and NRIC No. H 0434049 under name of Harun bin Sawal. These two identity cards are blue and green in colours. This case is an

example of how identity cards are fraudulently issued to Filipino refugees and Indonesian illegal immigrants and I call on the Home Affairs Minister to explain to this House how such a thing occurs.

In the recent Berjaya Conference, Encik Mark Koding, who is also the Member of Parliament for Kinabalu pointed out that blue identity cards were given to Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants through the "back door" policy of the Government

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup dan saya akan minta Yang Berhormat menyambung esok petang bersama dengan Yang Berhormat dari Keningau dan selepas itu saya meminta Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dengan itu mesyuarat ini ditangguhkan sampai hari esok bersamaan hari Khamis, 18hb Mac, 1982 pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.